

AMMB Holdings Berhad

Nombor Syarikat 223035-V
Diperbadankan Di Malaysia

Penyata Kewangan 2009

**Dinyatakan Dalam Ringgit Malaysia
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2009**

66	Laporan Pengarah
72	Kenyataan Oleh Para Pengarah
72	Pengakuan Berkanun
73	Laporan Juruaudit
74	Kunci Kira-kira
75	Penyata Pendapatan
76	Penyata Perubahan Dalam Ekuiti
78	Penyata Aliran Tunai
80	Nota-nota Penyata Kewangan

LAPORAN Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka serta penyata kewangan AMMB HOLDINGS BERHAD yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah syarikat pegangan pelaburan.

Subsidiari-subsidiari, seperti yang disenaraikan dalam Nota 15 Penyata Kewangan, menyediakan rangkaian perkhidmatan perbankan pelaburan, perbankan komersil, pembiayaan runcit dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk perniagaan perbankan Islam, penanggungan insurans nyawa dan am, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, pelaburan harta tanah dan pengurusan unit amanah.

Tiada perubahan penting berlaku dalam jenis aktiviti Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan.

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING DAN SETERUSNYA

Peristiwa-peristiwa penting dan seterusnya dalam tahun kewangan adalah seperti dinyatakan masing-masing dalam Nota 57 dan 58.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan sebelum pencukaian dan zakat	1,217,636	1,083,872
Pencukaian dan zakat	(339,382)	(22,947)
Keuntungan sebelum kepentingan minoriti	878,254	1,060,925
Kepentingan minoriti	(17,430)	-
Keuntungan bersih hak para pemegang saham Syarikat	860,824	1,060,925
Keuntungan tidak diagih pada awal tahun	1,163,267	707,073
Keuntungan untuk diagihkan	2,024,091	1,767,998
Pindahan kepada rizab berkanun	(78,334)	-
Dividen dibayar	(122,534)	(122,534)
Keuntungan tidak diagih pada akhir tahun	1,823,223	1,645,464

RANCANGAN PERNIAGAAN DAN STRATEGI

Dunia masih dilanda kemerosotan kewangan dan ekonomi, dan kesannya berbeza-beza disetiap negara dengan pelbagai darjah kemerosotannya. Ekonomi Malaysia dijangka akan merasai kesan kemerosotannya dalam tahun 2009, dengan tahap pemulihan perlahan yang bermula dalam sedikit masa tahun hadapan. Pertumbuhan pembiayaan dijangka menurun dengan peningkatan pinjaman tidak berbayar, walaupun dari sejarah semasanya ialah rendah. Walaubagaimanapun, sistem perbankan Malaysia telah pelajari sesuatu yang berharga daripada krisis kewangan lalu dalam tahun 1998-2000. Industri perbankan domestik adalah kekal sebahagian besarnya berkeadaan baik dengan tiada tekanan yang besar ke atas kedudukan modal. Polisi-polisi kewangan yang mudah oleh BNM dan sukatan fiskal kitaranberpusing yang diperkenalkan oleh kerajaan dijangka akan dapat meminimalkan pengecutan dan membentuk kapasiti jangka panjang ekonomi domestik.

Walaupun berada dilandasan kendalian yang sukar, Kumpulan akan terus mensasarkan pertumbuhan yang memberi keuntungan dan mengimbangi semula dinamik. Tambahan pula, kunci utama bagi Kumpulan untuk tahun kewangan hadapan adalah untuk mengawal kedudukan modal yang kukuh, menambah pengurusan risiko dan memperkembangkan operasi-operasi bagi memperbaiki produktiviti dan kecekapan kos. Kumpulan kekal komited dalam memberi nilai kepada pemegang-pemegang saham, pelanggan dan kakitangan-kakitangan. Kami akan terus bertib dalam menjalankan agenda strategik kami dengan menghadkan risiko, dan menjauhkan dari pemelabagaan penumpuan dan membetulkan semula kedudukan perniagaan bagi pertumbuhan yang telah dibeza-bezakan. Keadaan ini membolehkan Kumpulan membingkas dan membina ke arah kelebihan mendahului yang dimiliki oleh kami semenjak awal 2008.

Pertumbuhan deposit pelanggan dan peningkatan campuran deposit kos rendah adalah kunci dasar bagi unit perbankan runcit dan perniagaan. Inisiatif untuk memanfaatkan akaun simpanan dan semasa ditumpukan ke atas 3 tunggak utama:

- Tumpuan perolehan ke atas transaksi dan simpanan yang diperlukan oleh sebahagian besar pasaran, perniagaan-perniagaan kecil, dan penggabungan dan sebahagian besar segmen mewah;
- Tumpuan pengaktifan ke atas pengkreditan senarai gaji, pengurusan tunai dan perkhidmatan urusniaga; dan
- Tumpuan kepada anti pergeseran bagi mencegah perniagaan tidak bergiat.

Bagi memberi sokongan kepada pertumbuhan fi dan deposit, dan perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk baru, pengagihan jejak akan terus diperkembangkan, sungguhpun pada kadar sederhana.

Dalam segmen perbankan runcit, Kumpulan terus menyatukan kedudukannya sebagai tempat keempat terbesar aset runcit. Dari sudut pandangan yang lemah, perbankan runcit mensasarkan untuk mengekalkan pertumbuhan melalui tumpuan ke atas perniagaan yang memberi pulangan yang tinggi dan perkhidmatan pelanggan yang hebat. Pertumbuhan pembiayaan akan lebih sederhana, bergerak kearah mempelbagaikan aset, dan disokong oleh penambahan kawalan pengurusan risiko dan keberkesanan operasi.

Segmen perbankan perniagaan telah mencapai pertumbuhan yang baik dalam fasiliti kreditnya disepanjang tiga tahun. Strategi-strategi telah disusun bagi memelihara hubungan dengan pelanggan sedia ada dan lebih teliti untuk mendapatkan perniagaan yang baru. Mengekalkan portfolio yang mendatangkan keuntungan memerlukan penyusunan semula pembiayaan agar segmen ekonomi akan lebih stabil termasuk pertanian, gas dan minyak, perubatan, barang-barang konsumer yang bergerak pantas, sektor harta tanah yang besar dan pembiayaan kontrak. Pengemudian melalui persekitaran yang lebih sukar memerlukan pengawasan kedudukan pelanggan dan penstrukturan semula akaun.

Aktiviti-aktiviti perbankan pelaburan akan disusun semula berdasarkan aktiviti pelanggan dalam pasaran tempatan dan daerah, termasuk peluang-peluang produk-produk institusi bersilang, pembiayaan institusi dan korporat, pembiayaan Islam dan pengurusan dana Islam. Penekanan yang kuat akan selaras dengan perbankan persendirian, pengurusan kekayaan dan pengurusan dibawah dana. Dalam pasaran modal hutang, tumpuan lebih diberi ke atas tahap bon kredit aktiviti-aktiviti original, kegunaan dan program-program infrastruktur. Lebih nasihat ke atas jenis penugasan akan diterus dijalankan, dalam penggabungan dan perolehan dan aktiviti-aktiviti penstrukturan semula.

Dalam domain perniagaan dan pasaran, bahagian produk telah bertambah termasuk pertukaran mata wang asing dan derivatif, dengan bantuan teknikal dan sumber daripada Australia and New Zealand Banking Group Limited ("ANZ"). Perniagaan proprietari akan terus berlaku, tetapi dalam had yang kecil dengan startegi yang kurang risiko.

Sepanjang tahun kewangan, untuk pengkhususan yang lebih baik, Kumpulan telah selesai mengasingkan perniagaan komposit AmLife Insurance Berhad (dahulunya dikenali sebagai AmAssurance Berhad), dengan pindahan perniagaan insurans am kepada AmG Insurance berhad. Ini membuka jalan kepada rakan niaga strategik Friends Provident Fund plc dalam perniagaan insuran, dan peningkatan pemegang saham dan penglibatan strategik oleh rakan niaga insurans am, iaitu Insurance Australia Group.

Lanjutan dari itu, Kumpulan menjalankan pelaksanaan ketekunan wajar bagi mendapatkan perniagaan insurans am selain daripada syarikat insurans domestik. Perniagaan insuran telah membaharu kemampuan pengagihan dan jualannya, model kendalian, proses-proses kerja dan analitis bagi pertambahan produktiviti.

TINJAUAN BAGI TAHUN KEWANGAN HADAPAN

Kekacauan kewangan global terus bertambah buruk dengan pengecutan ekonomi dalam pembangunan negara dan kesan tamparan ke atas ekonomi Malaysia bermula dengan cepat sejak akhir tahun 2008. Kebanyakan analisis dan pakar ekonomi telah menjangkakan kemerosotan ekonomi yang besar dalam tahun 2009 dan pertumbuhan negatif GDP sekurang-kurangnya -2% untuk Malaysia. Sementara kadar pengecutan ekonomi akan berkurangan pada akhir tahun ini, pada pandangan semasa kami akan terdapat lanjutan dijangka pada akhir tahun 2010. Kadar pengangguran diramal akan meningkat kepada lebih kurang 5%. Pengecutan dalam sektor luaran hanya boleh diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang sederhana dalam permintaan domestik.

Sistem perbankan akan menghadapi permintaan kredit yang perlahan dalam segmen dan kualiti aset yang semakin merosot berbanding dengan tahun 2008. Kini, sistem NPL adalah terendah sejak krisis kewangan Asian dalam tempoh 1998-2000. Pakej Ransangan Kedua (sebanyak RM60 bilion yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 10 Mac 2009) dijangka akan melindungi ekonomi dari kesan yang lebih teruk akibat kemerosotan global. Ini dijangka akan mengurangkan kesan ke atas peningkatan NPL, dimana tumpuan ke atas pengurangan pengangguran, dan menyediakan skim-skim modal kerja dan jaminan kewangan bagi pertambahan kredit. Lanjutan polisi-polisi kewangan yang mudah, akan menjadi kenyataan kepada ransangan aktiviti ekonomi.

Kumpulan akan terus memberi tumpuan keatas pelaksanaan strategi-strategi dalam persekitaran dengan menghadkan risiko, menjauhkan dari pelbagai tumpuan dan pertumbuhan yang telah dibezakan melalui segmen perniagaan keuntungan yang dijangkakan. Pertambahan kawalan kredit, kadmata risiko baru dan perkaedahan, dan pungutan dan pengurusan pemulihan akan menerima bahagian-bahagian tumpuan yang memuncak dalam tahun akan datang. Kumpulan akan terus memberi tumpuan ke atas pembangunan penjenamaan, pertumbuhan deposit termasuk deposit kos rendah, secara progresif berkembang pengagihan jejak, dan memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan yang hebat. Dalam dua tahun yang lepas, Kumpulan telah mengambil langkah bagi mengukuhkan modal dan kedudukan kunci kira-kira.

Kumpulan mempunyai kedudukan yang baik bagi menempuh keadaan ekonomi global, daerah dan negara yang tidak stabil dalam jangka pendek, dengan portfolio perniagaan runcit bersilang yang pelbagai dan perbankan perniagaan, perbankan pelaburan dan pasaran, dan insurans. Rakan niaga strategik dengan ANZ, penswastan AmlInvestment Group Berhad, dan penyusunan semula perniagaan dalaman akan terus menguatkan kemampuan untuk memberi pertumbuhan keuntungan ke atas terma sederhana.

BUTIRAN BERSIFAT LUAR BIASA

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tidak banyak terjejas oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa selain daripada didedahkan dalam peristiwa-peristiwa penting di atas dan Nota 57 kepada penyata pendapatan.

Dalam jangka masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan bersifat luar biasa yang mungkin, pada pendapat para pengarah, banyak menjejaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi dua belas bulan yang berikutnya.

DIVIDEN

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah membayar dividen pertama dan terakhir sebanyak 6.0%, ditolak cukai 25.0%, bagi tahun kewangan sebelumnya berjumlah RM122,533,632 yang mana amaun tersebut telah diambil kira dalam laporan pengarah bagi tahun kewangan tersebut dan telah dibayar pada 21 Oktober 2008 kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Rekod Para Pelabur pada 7 Oktober 2008.

Bagi tahun kewangan semasa, para pengarah kini mencadangkan pembayaran dividen pertama dan terakhir sebanyak 8.0%, ditolak cukai 25.0%, berjumlah RM163,378,175 yang akan dibayar kepada para pemegang saham yang namanya berdaftar di dalam Rekod Para Pelabur pada tarikh yang akan ditentukan oleh para pengarah. Penyata kewangan untuk tahun kewangan semasa tidak mengambilkira cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira di dalam dana pemegang saham sebagai agihan dari keuntungan tidak diagih di dalam tahun kewangan yang berikut berakhir 31 Mac 2010.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Berikut adalah pindahan-pindahan penting ke atau daripada rizab dan peruntukan yang dibuat dalam tahun kewangan:

	Nota kepada Penyata Kewangan	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
a. Rizab Berkanun			
Pindahan daripada keuntungan tidak diagihkan	32	78,334	-
b. Rizab Sedia Untuk Dijual			
Timbul daripada kerugian belum direalisasikan bersih atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual	32	(84,644)	-
c. Rizab Naik Turun Pertukaran Mata Wang Asing			
Timbul daripada penterjemahan yang dinyatakan dalam mata wang asing syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu	32	11,425	-
d. Rizab Lindung Nilai Aliran Wang Tunai			
Timbul daripada kerugian tidak direalisasikan keatas aliran wang tunai	32	(91,486)	-
e. Saham Dipegang dalam Amanah bag Skim Saham Eksekutif			
Saham Eksekutif	32	(7,064)	(7,064)
f. Peruntukan/(Masuk kira semula peruntukan):			
Faedah tergantung	35	95,486	-
Peruntukan bagi kerugian pinjaman dan pembiayaan:			
Peruntukan tertentu - bersih	39	660,081	-
Peruntukan am	39	53,561	-
Pindahan ke rizab persamaan keuntungan	25	24,518	-
Kemerosotan nilai ke atas:			
Sekuriti		76,524	-
Amaun boleh diperolehi semula di bawah urusniaga sekuritasasi yang disokong aset		(17,000)	-

HUTANG LAPUK DAN RAGU DAN PEMBIAYAAN

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan pembiayaan dan membuat peruntukan hutang ragu dan pembiayaan dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk dan pembiayaan yang dikenal pasti telah dihapuskan dan peruntukan yang secukupnya telah disediakan bagi hutang ragu dan pembiayaan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk dan pembiayaan dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu dan pembiayaan bagi Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi.

ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa aset semasa, selain daripada hutang dan pembiayaan, yang tidak mungkin direalisasikan melalui urusan niaga biasa, nilai seperti ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat, telah dikurangkan nilai kepada nilai anggaran boleh direalisasikan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari akan adanya sebarang keadaan yang boleh menampilkan pematuhan kaedah penilaian aset atau tanggungan yang sedia ada di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, mengelirukan atau tidak sesuai.

TANGGUNGAN LUAR JANGKA DAN LAIN-LAIN TANGGUNGAN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- sebarang cagarang ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan dan menjadi sandaran bagi pihak lain; atau
- sebarang tanggungan luar jangka bagi Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan, melainkan yang ditanggung melalui operasi urus niaga biasa.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan lain yang boleh atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh akhir tempoh kewangan yang mana, pada pendapat para pengarah akan atau mungkin memberi kesan yang besar terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh menyebabkan sebarang amaun dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

TERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham dan debentur baru.

OPSYEN SAHAM

Syarikat tidak memberi opsiyen bagi mengambil alih saham yang tidak diterbitkan oleh Syarikat.

Tiada sebarang saham yang diterbitkan pada tahun kewangan ini menerusi pelaksanaan sebarang opsiyen bagi mengambil alih saham-saham Syarikat. Pada akhir tahun kewangan, tiada sebarang saham-saham tidak diterbitkan oleh Syarikat di bawah opsiyen ini.

SKIM SAHAM EKSEKUTIF

Pada 26 September 2008 pada Mesyuarat Am Luar biasa yang Ke 22, pemegang saham telah meluluskan cadangan bagi Syarikat menubuhkan skim saham eksekutif ("ESS") sehingga lima belas peratus (15%) dari modal saham biasa berbayar dan diterbitkan Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tempoh ESS untuk eksekutif-eksekutif yang layak (termasuk pengurusan kanan) dan pengarah-pengarah eksekutif Kumpulan (tidak termasuk subsidiari tidak bergiat atau mana-mana subsidiari yang tidak termasuk dalam syarat-syarat undang-undang kecil) sesiapa yang memenuhi kriteria bagi kelayakan yang ditetapkan dalam perundangan pentadbir ESS ("Eksekutif Yang Layak"). ESS dilaksanakan dan ditadbirkan oleh ahli jawatankuasa skim saham eksekutif ("Ahli Jawatankuasa ESS") menurut perundangan. Ahli-ahli jawatankuasa ESS dilantik dan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah. ESS telah ditubuhkan pada 12 Januari 2009 dan tempoh pelaksanaan bagi sepuluh(10) tahun.

Anugerah yang diberi kepada eksekutif yang Layak boleh dikategorikan dalam bentuk saham dan/atau opsiyen untuk dilanggan bagi saham-saham ("Opsyen"). Saham-saham sentiasa ada dibawah skim ("Saham-saham Skim") akan diletak atau Opsyen yang hanya boleh dilaksana oleh Eksekutif yang Layak dimana mtelah menerima tawaran anugerah dibawah ESS ("Peserta Skim") bergantung kepada syarat-syarat yang sitetapkan. Syarat-syarat tersebut telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ESS.

Bagi memudahkan pelaksanaan ESS, Syarikat telah menandatangani Surat Ikatan Amanah pada 24 Februari 2009 dengan melantik Pemegang Amanah. Pemegang Amanah boleh, pada masa-masa tertentu mengarahkan ahli jawatankuasa ESS, melanggan atau mendapatkan saham-saham biasa sedia ada atau baru bagi menempatkan pindahan saham-saham pada masa akan datang tersedia untuk Peserta Skim. Bagi tujuan tersebut dan membolehkan Pemegang Amanah berupaya membayar perbelanjaan yang berkaitan dengan pentadbiran Amanah, Pemegang Amanah adalah layak dari masa ke semasa menerima dana dan/atau bantuan, kewangan atau selain daripada Syarikat dan/atau subsidiari.

Ciri ESS didedahkan dalam Nota 33 dalam penyata kewangan.

Dalam tahun kewangan, Pemegang Amanah ESS telah membeli sebanyak 2,896,000 saham-saham biasa Syarikat yang diterbitkan daripada pasaran terbuka pada harga purata RM2.44 sesaham. Jumlah ganjaran yang dibayar untuk membeli termasuk kos transaksi sebanyak RM7,063,679.

Pada 31 Mac 2009, Pemegang Amanah ESS memegang 2,896,000 saham-saham biasa yang mewakili 0.11% modal berbayar dan diterbitkan Syarikat. Tiada sebarang Saham Skim atau Opsyen diberi sepanjang tahun kewangan.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan lalu adalah:

- Tan Sri Dato' Azman Hashim
- Dato' Azlan Hashim
- Tun Mohammed Hanif Omar
- Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman
- Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert
- Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain
- Dato' Izham Mahmud
- Alexander Vincent Thursby
- Dr Robert John Edgar
- Mark David Whelan (dilantik pada 02.01.2009)
- Cheah Tek Kuang
- Soo Kim Wai
- Wayne Hugh Stevenson (dilantik sebagai Pengarah Gantian kepada Alexander Vincent Thursby, Dr Robert John Edgar dan Mark David Whelan pada 2.1.2009)
- Peter John Hodgson (bersara pada 29.8.2008)
- Owen James Wilson (berhenti sebagai Pengarah Gantian kepada Alexander Vincent Thursby, Dr Robert John Edgar dan Peter John Hodgson pada 15.8.2008)

Mengikut Artikel 89 Tata Urusan Syarikat, Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain, Dr Robert John Edgar dan Mr Cheah Tek Kuang bersara, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Mengikut Artikel 97 Tata Urusan Syarikat, Mr Mark David Whelan dan Mr Wayne Hugh Stevenson bersara, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 Tan Sri Dato' Azman Hashim dan Tun Mohammed Hanif Omar bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan menawarkan diri mereka untuk dilantik semula bagi memegang jawatan sehingga selesainya Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.

KEPENTINGAN PENGARAH

Menurut Tata Urusan Syarikat, para pengarah tidak perlu memiliki saham di dalam Syarikat.

Kepentingan para pengarah dalam saham dan debentur Syarikat dan syarikat –syarikat subsidiari pada akhir tahun kewangan seperti tercatat dalam Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat di bawah Seksyen 134, Akta Syarikat 1965, adalah seperti berikut:

KEPENTINGAN LANGSUNG

Dalam Syarikat

Saham-saham	Bilangan saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
	Baki pada 1.4.2008	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2009
Dato' Azlan Hashim	180,000	35,684	-	215,684
Dato' Izham Mahmud	7,000	-	-	7,000
Cheah Tek Kuang	78,800	-	-	78,800

KEPENTINGAN TIDAK LANGSUNG

Dalam Syarikat

Saham-saham	Nama Syarikat	Bilangan saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			
		Baki pada 1.4.2008	Belian	Jualan	Baki pada 31.3.2009
Tan Sri Dato' Azman Hashim	AmcorpGroup Berhad	480,151,333	1,850,000	-	482,001,333

Berdasarkan pegangan saham Tan Sri Dato' Azman Hashim dalam Syarikat, beliau dianggap mempunyai kepentingan tidak langsung dalam saham Subsidiari-subsidiari, dimana Syarikat mempunyai kepentingan.

Berdasarkan pegangan saham yang dinyatakan di atas, para pengarah di atas dianggap mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima sebarang ganjaran (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran pengarah yang telah diterima atau akan diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 41 penyata kewangan) atas sebab perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan dengan para pengarah atau dengan firma di mana para pengarah adalah ahli, atau syarikat di mana para pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali urusan niaga pihak berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Nota 40 kepada penyata kewangan.

Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan semasa atau akhir tahun kewangan bertujuan bagi membolehkan para pengarah menerima manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

URUS TADBIR KORPORAT

i. PENGAWASAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah ("Lembaga") komited sepenuhnya untuk memastikan prinsip dan amalan terbaik dalam urus tadbir korporat digunakan secara konsisten di dalam Kumpulan, kerana Syarikat merupakan sebuah syarikat pegang pelaburan. Aktiviti-aktiviti perniagaan utama dikendalikan melalui pelbagai syarikat-syarikat subsidiari. Lembaga mengikut langkah-langkah terbaik dalam urus tadbir korporat seperti yang terdapat dalam Kod Malaysia urus tadbir korporat.

Lembaga mengawasi pengurusan perniagaan Kumpulan dan hal ehwal dengan matlamat meningkatkan nilai pemegang saham. Mesyuarat Lembaga dijadualkan setiap bulan bagi melaksanakan tugas serta bertanggungjawab, dengan mesyuarat tambahan diadakan jika dan apabila perlu.

Lembaga mengkaji perkara-perkara utama di bidang strategi, kewangan, struktur dan organisasi serta pembangunan perniagaan (tertakluk kepada perkara yang dirizabkan untuk mesyuarat pemegang saham mengikut undang-undang). Ia mengasaskan garis panduan untuk keseluruhan perniagaan, polisi risiko dan kawalan, peruntukan modal dan meluluskan perubahan utama dalam aktiviti perniagaan Kumpulan.

Lembaga pada masa ini terdiri daripada sepuluh (10) pengarah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman luas, yang mana lima (5) adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Para Pengarah menyertai sepenuhnya dalam proses membuat keputusan dalam isu-isu penting berhubung Syarikat dan subsidiarinya. Para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memastikan strategi-strategi yang dicadangkan oleh pihak pengurusan dibincangkan dan diperiksa sepenuhnya, serta mengambil kira kepentingan jangka panjang para pemegang amanah harta.

Terdapat pembahagian yang nyata antara peranan-peranan yang dimainkan oleh Pengerusi dan Ketua Eksekutif Operasi subsidiari-subsidiari.

Kumpulan Pengurusan Kanan syarikat subsidiari dijemput menghadiri Mesyuarat Lembaga untuk memberi penerangan terperinci dan penjelasan tentang perkara-perkara yang dibawa ke Lembaga. Setiausaha Kumpulan telah diberi kuasa oleh Lembaga di dalam hal-hal urus tadbir dan pematuhan kewajipan berkanun.

ii. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Lembaga membahagikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga. Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam bidang perbincangan tertentu adalah:

1. Jawatankuasa Pencalonan Kumpulan*
2. Jawatankuasa Ganjaran Kumpulan*
3. Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan
5. Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan

Nota: *Kedua-dua Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran terhapus dengan penubuhan Jawatankuasa Pencalonan Kumpulan dan Jawatankuasa Ganjaran Kumpulan pada peringkat Kumpulan (Syarikat) pada 23 Julai 2008.

Peranan dan tanggungjawab setiap jawatankuasa diwujudkan berdasarkan terma rujukan yang telah diluluskan oleh Lembaga. Minit mesyuarat Jawatankuasa akan dibentangkan pada mesyuarat Pengarah berikutnya bagi tujuan pendapat dan notasi

Kehadiran ahli-ahli Lembaga di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan pelbagai Jawatankuasa Lembaga adalah seperti berikut:

Bilangan mesyuarat yang dihadiri dalam tahun kewangan 2009

	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Pencalonan Kumpulan ⁽¹⁾	Jawatankuasa Ganjaran Kumpulan ⁽²⁾	Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan	Jawatankuasa Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Teknologi Maklumat
Tan Sri Dato' Azman Hashim	11	5	2 (Dilantik bks 23.7.08)	T/B	T/B	T/B
Dato' Azlan Hashim	11	T/B	2 (Berhenti bks 23.7.08)	5	T/B	7
Tun Mohammed Hanif Omar	11	4 (Pengerusi bks 23.7.08)	T/B	T/B	T/B	T/B
Tan Sri Datuk Dr Aris Osman @ Othman	11	6	2	6 (Pengerusi)	6	T/B
Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert	11	6	T/B	6	6 (Pengerusi)	T/B
Tan Sri Dato' Mohd Ibrahim Mohd Zain	9	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Dato' Izham Mahmud	11	2 (Berhenti bks 23.7.08)	4 (Pengerusi)	5	T/B	T/B
Dr Robert John Edgar	10	5	- (Dilantik bks 22.12.08)	4	T/B	T/B
Alexander Vincent Thursby	10	T/B	T/B	T/B	T/B	T/B
Mark David Whelan	3 (Dilantik bks 2.1.09)	T/B	T/B	T/B	2 (Dilantik bks 2.1.09)	T/B
Cheah Tek Kuang	11	T/B	T/B	T/B	T/B	4
Soo Kim Wai	10	T/B	3	T/B	T/B	T/B
Peter John Hodgson	4 (Berhenti bks 29.8.08)	T/B	2 (Berhenti bks 29.8.08)	T/B	3 (Berhenti bks 29.8.08)	T/B
Bilangan mesyuarat yang diadakan dalam TK2009	11	6	4	6	6	7

bks: berkuatkuasa pada

Nota-nota:

- Jawatankuasa Pencalonan AmlInvestment Bank Berhad ("AmlInvestment Bank") dan AmBank (M) Berhad ("AmBank") terhapus dengan penubuhan Jawatankuasa Pencalonan Kumpulan pada peringkat Kumpulan berkuatkuasa pada 23 Julai 2008. Tan Sri Datuk Dr Aris Othman tamat perkhidmatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan kekal sebagai ahli berkuatkuasa pada 23 Julai 2008.
- Jawatankuasa Ganjaran AmlInvestment and AmBank terhapus dengan penubuhan Jawatankuasa Ganjaran Kumpulan pada peringkat Kumpulan berkuatkuasa pada 23 Julai 2008. Tiada sebarang mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran Kumpulan sejak dari tarikh Dr Robert John Edgar's dilantik.
- Semua kehadiran menunjukkan bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh perkhidmatan Pengarah
- T/B menunjukkan bukan ahli.

Jawatankuasa Pencalonan Kumpulan

Jawatankuasa merangkumi lima (5) pengarah dimana sebahagian besarnya merupakan pengarah bebas yang bertanggungjawab mengkaji struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta mencadangkan kepada Lembaga mengenai sebarang perubahan tidak langsung. Lembaga juga mencadangkan perantaraan pengarah baru bagi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta mengkaji setiap tahun prestasi Lembaga, ahli jawatankuasa Lembaga dan para pengarah secara individu, mengkaji keperluan kemahiran dan pengalaman dan kualiti serta kebolehan lain Pengarah Bukan Eksekutif ke dalam Lembaga.

Lembaga Pengarah, atas cadangan Jawatankuasa Pencalonan juga telah meluluskan mekanisme bagi mengkaji secara formal keberkesanan Lembaga secara keseluruhannya dan jawatankuasa dan sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga.

Jawatankuasa Ganjaran Kumpulan

Jawatankuasa merangkumi lima (5) pengarah dimana semua ahli Jawatankuasa ini adalah Pengarah Bukan Eksekutif. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja atau polisi lembaga bagi ganjaran para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan pengurusan kanan lain.

Ganjaran untuk para pengarah ditentukan pada tahap yang membolehkan Kumpulan menarik dan mengekalkan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan pengurusan kanan lain yang mempunyai kepakaran yang relevan yang diperlukan untuk mengurus Kumpulan dengan berkesan. Khidmat nasihat digunakan bagi mengkaji methodologi bagi menganugerahkan Pengarah Eksekutif dan Pengurusan kakitangan mengikut Kunci Penunjuk Prestasi yang perlu untuk dicapai.

Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan Kumpulan

Jawatankuasa merangkumi lima (5) pengarah dimana semua ahli Jawatankuasa ini adalah Pengarah Bukan Eksekutif.

Lembaga telah melantik Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (AEC) bagi membantu menunaikan tanggungjawabnya untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset Kumpulan dan pelaburan para pemegang saham.

Penyata kewangan, dasar-dasar perakaunan dan sistem kawalan dalaman perakaunan adalah tanggungjawab melalui AEC. AEC bermesyuarat dalam tahun bagi mengkaji skop kedua-dua fungsi audit dalaman dan juruaudit berkanun, keputusan yang dicapai serta penilaian sistem kawalan dalaman. Penyata kewangan disatukan Kumpulan dan penyata kewangan Syarikat telah dikaji oleh AEC sebelum diserahkan kepada pengarah Syarikat untuk penyerapan.

Selain itu, AEC telah mengkaji syarat-syarat kelulusan dan pendedahan urus niaga pihak-pihak yang berkaitan, mengkaji prosedur yang telah diambil oleh Kumpulan bagi tujuan mengenal pasti dan melapor dimana perlu, mendapatkan kebenaran bagi urus niaga berkaitan dan dengan bantuan juruaudit dalaman, mengkaji urus niaga pihak-pihak berkaitan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan

Pengurusan risiko merupakan bahagian yang penting dalam proses membuat keputusan strategik Kumpulan untuk memastikan objektif-objektif korporat selaras dengan pulangan risiko yang betul. Lembaga meluluskan strategi pengurusan risiko dan menetapkan had toleransi risiko; dan meluluskan penggunaan produk-produk baru atau aktiviti-aktiviti selepas mengambilkira kapasiti tanggungan risiko dan persediaan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pengarah ditubuhkan di AmlInvestment Bank, AmBank dan AmlIslamic Bank bagi menyelia seluruh pengurusan kredit, pasaran, kecairan, operasi, perundangan, modal dan risiko strategik yang membawa kesan kepada Kumpulan.

Jawatankuasa ini bebas dari pengurusan dan merangkumi hanya Pengarah-pengarah bukan eksekutif. Jawatankuasa memastikan had toleransi Lembaga dikuatkuasakan sepenuhnya, serta mengkaji pendedahan kepada had risiko tinggi dan keputusan pengagihan modal serta memastikan bahawa kesemua ini adalah dalam kepentingan Kumpulan.. Ia juga mengkaji keupayaan Kumpulan berhadapan dengan risiko ini dalam keadaan normal dan tertekan.

Jabatan Pengurusan Risiko bebas daripada pelbagai unit perniagaan dan memainkan peranan sebagai mangkin bagi membangunkan dan mengekalkan polisi yang menyeluruh serta mengurus polisi, strategi dan prosedur dengan teliti dalam Kumpulan. Fungsi-fungsinya merangkumi penyelidikan dan analisis, laporan portfolio pendedahan risiko, penyeliaan pematuhan, perumusan polisi-polisi dan metodologi penilaian risiko dan perumusan strategi risiko.

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan

Jawatankuasa Teknologi Maklumat Kumpulan ("GITC") merangkumi dua (2) pengarah. Jawatankuasa bertanggungjawab menentukan dan mencadangkan kepada Lembaga mengenai perkembangan IT dalam Kumpulan sejajar dengan objektif dan strategi perniagaan dan berkhidmat sebagai parti bebas dan objektif dalam meneliti penggunaan sumber-sumber IT Kumpulan termasuk peralatan komputer, perisian, tenaga kerja dan lain-lain pelaburan yang berkaitan dengan IT.

Tambahan itu, GITC juga mengkaji dan mencadangkan untuk kelulusan oleh pelbagai syarikat dalam Kumpulan, bagi sebahagian besar perolehan IT dan memastikan perolehan selaras dengan rancangan IT.

Audit Dalaman dan Aktiviti Kawalan Dalaman

Ketua Audit Dalaman Kumpulan melapor kepada AEC, Ketua Audit Dalaman Kumpulan membantu Lembaga Pengarah mengkaji serta melapor risiko perniagaan dan kawalan dalaman dan beroperasi berdasarkan rangka kerja yang didefinisikan dalam Piagam Audit.

AEC meluluskan pelan audit tahunan Audit Dalaman yang merangkumi audit bagi unit dan operasi utama dalam Kumpulan. Keputusan setiap audit diserahkan kepada Jawatankuasa Audit Kumpulan & Pemeriksaan dan semua perkara-perkara penting akan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan. Keputusan mesyuarat Audit dan Pemeriksaan akan dibentangkan secara formal di Lembaga Pengarah bagi tujuan notasi dan pengambilan tindakan dimana perlu. Ketua Audit Dalaman Kumpulan dan juruaudit luar akan menyertai mesyuarat ini melalui jempunan.

Skop audit dalaman merangkumi kajian kecukupan proses pengurusan risiko, kawalan operasi, kawalan kewangan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan, serta keberkesanan pengurusan, latihan pembiayaan dan teknologi maklumat, termasuk pelbagai sistem aplikasi dalam produksi, pengumpulan maklumat dan rangkaian sekuriti.

Audit Dalaman memberi tumpuan kepada pelaksanaan audit berdasarkan pelan audit, yang memberi keutamaan kepada penilaian risiko audit yang menyeluruh terhadap semua bahagian yang penting dan perlu diaudit dalam Kumpulan. Struktur penilaian risiko audit memastikan kesemua bahagian risiko yang dikenal pasti diberi perhatian bagi memastikan keberkesanan liputan audit dan kekerapan audit. Pelan audit yang berasaskan risiko dikaji setiap tahun bagi mengenal pasti perubahan kewangan yang penting dalam persekitaran perniagaan dan risiko.

Audit Dalaman juga aktif dalam aktiviti pembangunan sistem yang penting dan dalam jawatankuasa projek bagi tujuan memberi nasihat dalam bidang pengurusan risiko dan langkah-langkah kawalan dalaman.

iii. MAKLUMAT PENGURUSAN

Kesemua Pengarah mengkaji kertas kerja dan laporan Lembaga sebelum setiap mesyuarat Lembaga. Maklumat dan keterangan berkaitan dengan operasi Syarikat dan subsidiarinya yang penting bagi pengetahuan Pengarah berkaitan perkara-perkara dalam agenda mesyuarat dan perkara-perkara lain yang berkaitan akan diedarkan sebelum mesyuarat dimulakan. Laporan Lembaga, termasuk minit mesyuarat kesemua jawatankuasa Lembaga, keputusan pencapaian bulanan Kumpulan, pengurusan risiko kredit, aset liabiliti dan pengurusan risiko pasaran dan pencapaian industri serta pembangunan peraturan yang sedia ada dan persekitaran ekonomi dan perniagaan.

Kesemua laporan tersebut diterbitkan awal bagi membolehkan para pengarah mempunyai masa untuk memperoleh keterangan dan dimana perlu, diberikan taklimat dengan teliti sebelum mesyuarat. Lembaga akan memberi pendapat berasaskan polisi Kumpulan.

PENGIKTIRAFAN OLEH AGENSI LUAR

Taraf AA3/P1 dari Rating Agency Malaysia dan AA-/MARC-1 dari Malaysian Rating Corporation Berhad untuk AmInvestment Bank telah dilengkapkan dengan pemeringkatan antarabangsa BB+/B dari Standard and Poor's dan BBB-/F3 dari Fitch Ratings Ltd ("Fitch"). RM200.0 juta Bon Bersubordinat Tahap 2 telah diberi pemeringkatan jangka panjang A1 oleh RAM.

AmBank telah diberi pemeringkatan semula oleh Ram sebagai jangka panjang A1 dan jangka pendek P1. Selain itu, AmBank telah diberi pemeringkatan antarabangsa Baa2/P3(Stabil) dari Moody's Investors Service. BBB-/Stable/A3 dari Standard & Poor's dan BBB-(Stabil)/F3 dari Fitch Rating Ltd dan BBB-/A3/Stabil dari Capital Intelligence.

Bon Boleh Ditukar Dan Tidak Bercagar AmBank bernilai RM575.0 juta dan RM2.0 bilion Program Nota Berjangka-Sederhana telah diberi pemeringkatan semula pada A2 (Stabil) oleh RAM. Modal Securiti Kekal Bukan Kumulatif ("NCPCS") diterbitkan sepanjang tahun kewangan semasa telah diberi taraf A3 oleh RAM. Deposit Instrumen Boleh Niaga AmBank bernilai RM1.0 bilion telah dipindah hak ke atas AmInvestment Bank Berhad dan telah diberi taraf jangka panjang pada A1.

Terbitan NCPCS AmBank adalah mengokot kepada Nota-nota bersubordinat ("Sub-Notes") yang diterbitkan oleh subsidiari milik penuh, AmPremier Capital Berhad ("AmPremier"). Pada 31 Mac 2009, AmPremier telah menerbitkan RM500.0 juta Sub Notes yang telah diberi taraf jangka panjang pada A3 (Stabil).

Sekuriti Hibrid bernilai USD200.0 juta diterbitkan oleh AmBank(M) telah diberi taraf Ba2 oleh Moody's Investor Service, BB oleh Standard & Poor's dan BB oleh Fitch.

RAM telah menaik taraf jangka panjang dan jangka pendek AmIslamic Bank masing-masing kepada A1 dan P1, dengan pandangan stabil.

RAM telah memberi semula taraf jangka panjang RM400.0 juta Sukuk Musyarakah bersubordinat AmIslamic Bank kepada A2 (Stabil)

JAWATANKUASA SHARIAH

Jawatankuasa Syariah merangkumi tiga (3) penasihat, ditubuhkan di bawah "Garis Panduan Urus Tadbir Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (BNM/GPS 1)" yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia bagi memberi nasihat serta petunjuk kepada Lembaga Pengarah supaya dapat memastikan operasi-operasi perniagaan patuh kepada principal Syariah. Penasihat Syariah turut membantu dalam memberi pandangan dan pengesahan terhadap dokumen-dokumen berkaitan yang akan digunakan.

JURUAUDIT

Juruaudit Tetuan Ernst & Young, menyatakan kesanggupan untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah.



TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM



CHEAH TEK KUANG

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 15 Mei 2009

KENYATAAN OLEH Para pengarah

MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, **TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM** dan **CHEAH TEK KUANG**, bagi pihak pengarah-pengarah **AMMB HOLDINGS BERHAD**, dengan bangganya menyatakan bahawa pada pendapat mereka, penyata kewangan adalah disediakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia seperti yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia supaya memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2009 dan keputusan serta perubahan dalam ekuiti dan aliran wang tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah.



TAN SRI DATO' AZMAN HASHIM

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 15 Mei 2009



CHEAH TEK KUANG

PENGAKUAN Berkanun

MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, **ARUNASALAM MUTHUSAMY**, pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan **AMMB HOLDINGS BERHAD**, dengan tulus ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan adalah pada pendapat saya, benar, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar, dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas
ARUNASALAM MUTHUSAMY di Kuala Lumpur dalam
Wilayah Persekutuan pada 15 Mei 2009

Dihadapan saya,



ARUNASALAM MUTHUSAMY



PESURUHJAYA SUMPAAH

Dikemukan bagi pihak:
Alamat: Tingkat 22, Bangunan AmBank Group,
No. 55 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.
Nombor Telefon: 03-2036 2633/44/55



18th Floor, Bangunan AmBank Group
Letter Box No: 18D,
55, Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

LAPORAN Juruaudit

KEPADA AHLI-AHLI AMMB HOLDINGS BERHAD
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA)
(NO SYARIKAT: 223035-V)

Laporan mengenai penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan AMMB HOLDINGS BERHAD, yang disertai yang merangkumi kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2009, penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain.

Tanggungjawab Pengarah Keatas Penyata Kewangan

Para pengarah syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia seperti mana yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan mengguna pakai dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat tentang penyata kewangan berdasarkan audit yang dilaksanakan. Kami telah melaksanakan audit tersebut menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia seperti mana yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2009 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan dibawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya yang kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.
- Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan daln lopran juruaudit kesemua subsidiari yang tidak diaudit oleh kami sepertimana yang dinyatakan pada Nota 15 daln penyata kewangan.
- Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.
- Laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari yang telah disatukan tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai satu badan sahaja, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



ERNST & YOUNG
AF :0039
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: 15 Mei 2009



LIM SAW KENG
No.2215/10/09(J)
Akauntan Bertauliah

KUNCI Kira-Kira

PADA 31 MAC 2009

	Nota	2009		2008	
		Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
ASET					
Wang tunai dan dana jangka pendek	5	17,186,941	284,037	11,045,426	315,078
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	6	16,807	-	52,468	-
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi	7	46,026	16,986	1,387,810	15,034
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	8	1,399,873	20,000	6,699,010	20,000
Sekuriti sedia untuk dijual	9	6,626,054	3,978	1,850,935	3,978
Sekuriti dipegang sehingga matang	10	780,209	-	1,179,878	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	11	56,947,831	-	52,574,320	-
Aset kewangan derivatif	12	482,933	-	370,681	-
Aset-aset lain	13	1,490,006	30,331	2,023,969	26,973
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	14	517,578	-	1,660,197	-
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	15	-	6,204,678	-	6,543,314
Pelaburan dalam syarikat kawalan bersama	16	380	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	17	1,301	-	1,301	-
Bayaran pajakan tanah prabayar	18	6,646	-	7,059	-
Hartanah dan peralatan	19	228,399	2,044	225,616	900
Aset dana nyawa	55	2,006,799	-	1,702,469	-
Aset cukai tertunda	44	346,997	-	608,583	-
Aset tak ketara	20	1,808,101	-	1,801,985	-
JUMLAH ASET		89,892,881	6,562,054	83,191,707	6,925,277
LIABILITI DAN EKUITI					
Deposit daripada pelanggan	21	64,131,506	-	55,768,861	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	22	6,135,409	-	7,117,279	-
Bil dan penerimaan belum bayar	23	2,120,247	-	1,909,243	-
Obligasi rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	24	155,037	-	243,979	-
Liabiliti kewangan derivatif	12	587,763	-	410,929	-
Liabiliti-liabiliti lain	25	2,639,015	9,155	3,250,328	3,684
Pinjaman berjangka	26	351,859	206,000	1,790,844	1,506,000
Pinjaman berjangka bersubordinat	27	-	-	460,000	-
Bon tidak bercagar	28	1,090,000	-	1,750,000	-
Nota-nota Berjangka Sederhana	29	1,460,000	-	860,000	-
Modal hibrid	30	1,303,691	-	673,830	-
Tanggungan dana nyawa	55	222,160	-	189,819	-
Dana pemegang polisi nyawa	55	1,784,639	-	1,512,650	-
Jumlah liabiliti		81,981,326	215,155	75,937,762	1,509,684
Modal saham	31	2,722,970	2,722,970	2,722,970	2,722,970
Rizab	32	5,013,123	3,623,929	4,446,623	2,692,623
Ekuiti yang berkaitan dengan pemegang ekuiti Syarikat		7,736,093	6,346,899	7,169,593	5,415,593
Kepentingan minoriti	34	175,462	-	84,352	-
Jumlah ekuiti		7,911,555	6,346,899	7,253,945	5,415,593
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		89,892,881	6,562,054	83,191,707	6,925,277
PENGLIBATAN DAN TANGGUNGAN LUAR JANGKA	50	49,911,642	-	57,539,798	-
ASET BERSIH SESAHAM (RM)	53	2.84	2.33	2.63	1.99

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA Pendapatan

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2009

	Nota	2009		2008	
		Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pendapatan operasi	54	5,860,729	1,111,127	5,992,682	134,766
Pendapatan faedah	35	3,793,368	14,043	3,768,943	26,688
Perbelanjaan faedah	36	(2,017,054)	(23,865)	(2,153,121)	(30,717)
Pendapatan/(Perbelanjaan) faedah bersih		1,776,314	(9,822)	1,615,822	(4,029)
Pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam	60(xxiv)	572,619	-	517,071	-
Pendapatan operasi lain	37	922,043	1,097,084	1,218,824	108,078
Pendapatan bersih		3,270,976	1,087,262	3,351,717	104,049
Perbelanjaan operasi lain	38	(1,612,146)	(3,390)	(1,536,899)	(3,522)
Keuntungan operasi		1,658,830	1,083,872	1,814,818	100,527
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan	39	(344,187)	-	(512,183)	-
Pindahan (ke)/dari rizab persamaan keuntungan	25	(24,518)	-	18,211	-
(Kerugian)/Masuk kira kemerosotan nilai ke atas:					
Sekuriti		(76,524)	-	(111,958)	-
Amaun boleh diperolehi semula di bawah urusniaga sekuritisasi yang disokong aset		17,000	-	(10,000)	-
Aset diperolehi hasil pertukaran hutang		-	-	(45)	-
Hartanah dan peralatan		(2,490)	-	-	-
Masuk Kira/(Peruntukan) pelbagai hutang ragu belum terima - bersih		3,653	-	(2,292)	-
Peruntukan harta-harta dirampas		(1,942)	-	(473)	-
Peruntukan penglibatan dan tanggungan luar jangka		(11,974)	-	(1,641)	-
Keuntungan sebelum perkongsian keputusan syarikat kawalan bersama, pencukaian dan zakat		1,217,848	1,083,872	1,194,437	100,527
Perkongsian keputusan syarikat kawalan bersama		(212)	-	-	-
Keuntungan sebelum pencukaian dan zakat		1,217,636	1,083,872	1,194,437	100,527
Pencukaian dan zakat	43	(339,382)	(22,947)	(383,618)	(26,563)
Keuntungan bagi tahun		878,254	1,060,925	810,819	73,964
Diagihkan kepada:					
Para pemegang saham Syarikat		860,824	1,060,925	668,542	73,964
Kepentingan minoriti		17,430	-	142,277	-
Keuntungan bagi tahun		878,254	1,060,925	810,819	73,964
Pendapatan sesaham (sen)	46				
Asas		31.61	38.96	28.24	3.12
Tercair		31.61	38.96	27.91	3.09
Dividen pertama dan terakhir sesaham biasa (sen)					
Kasar		8.0	8.0	6.0	6.0
Bersih		6.0	6.0	4.4	4.4

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN Dalam Ekuiti

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2009

	Milik Pemegang-pemegang Ekuiti Syarikat							Jumlah RM'000	Kepentingan Minoriti RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000
	Modal saham RM'000	Pengubahan saham keutamaan [^] RM'000	Tidak boleh diagihkan				Boleh diagihkan			
			Premium saham RM'000	Rizab modal RM'000	Rizab sedia untuk dijual RM'000	Rizab pertukaran mata wang asing RM'000				
Kumpulan										
Pada 1 April 2007										
Dinyatakan sebelum ini	2,130,565	-	791,588	1,107,757	36,362	10,297	798,502	4,875,071	1,201,516	6,076,587
Pelarasan tahun lepas	-	-	-	-	-	-	(87,270)	(87,270)	-	(87,270)
Pada 1 April 2007 (dinyatakan semula)	2,130,565	-	791,588	1,107,757	36,362	10,297	711,232	4,787,801	1,201,516	5,989,317
Keuntungan belum direalisasi bersih ke atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual	-	-	-	-	6,538	-	-	6,538	-	6,538
Perbelanjaan berkait dengan Terbitan Hak	-	-	(6,434)	-	-	-	-	(6,434)	-	(6,434)
Pindahan daripada penyata pendapatan	-	-	-	137,676	-	-	(137,676)	-	-	-
Pelarasan pertukaran mata wang	-	-	-	-	-	-	(2,131)	(2,131)	-	(2,131)
Pendapatan/(Perbelanjaan) bersih yang diiktiraf langsung dalam ekuiti	-	-	(6,434)	137,676	6,538	(2,131)	(137,676)	(2,027)	-	(2,027)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	-	-	-	668,542	668,542	142,277	810,819
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) bersih yang diiktiraf bagi tahun	-	-	(6,434)	137,676	6,538	(2,131)	530,866	666,515	142,277	808,792
Terbitan CPS [^]	-	458,343	-	-	-	-	-	458,343	-	458,343
Terbitan saham menurut:										
Pelaksanaan Waran 2003/2008	132,497	-	155,303	-	-	-	-	287,800	-	287,800
Terbitan Hak	295,973	-	710,335	-	-	-	-	1,006,308	-	1,006,308
Pengubahan CPS	163,935	(458,343)	336,065	-	-	-	-	41,657	-	41,657
Langganan saham dalam AmPrivate Equity	-	-	-	-	-	-	-	-	3,180	3,180
Timbul dari penswastaaan AIGB	-	-	-	-	-	-	-	-	(1,188,227)	(1,188,227)
Timbul dari penjualan saham dalam MVM	-	-	-	-	-	-	-	-	(380)	(380)
Dividen dibayar	-	-	-	-	-	-	(78,831)	(78,831)	(74,014)	(152,845)
Pada 31 Mac 2008	2,722,970	-	1,986,857	1,245,433	42,900	8,166	1,163,267	7,169,593	84,352	7,253,945

	Nota	Milik Pemegang-pemegang Ekuiti Syarikat							Jumlah RM'000	Kepen- tingan Minoriti RM'000	Jumlah Ekuiti RM'000	
		Tidak boleh diagihkan						Boleh diagihkan				
		Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab Modal RM'000	Rizab Sedia untuk dijual RM'000	Rizab pertukaran mata wang asing RM'000	Rizab Lindung Nilai Aliran Tunai RM'000					Saham dipegang dalam amanah bagi ESS RM'000
Kumpulan												
Pada 1 April 2008		2,722,970	1,986,857	1,245,433	42,900	8,166	-	-	1,163,267	7,169,593	84,352	7,253,945
Keuntungan belum direalisasi bersih ke atas penilaian semula sekuriti sedia untuk dijual		-	-	-	(84,644)	-	-	-	-	(84,644)	-	(84,644)
Kerugian bersih belum direalisasi atas lindung nilai aliran tunai		-	-	-	-	-	(91,486)	-	-	(91,486)	-	(91,486)
Perbelanjaan berkait dengan Terbitan Hak		-	(21)	-	-	-	-	-	-	(21)	-	(21)
Pindahan daripada penyata pendapatan		-	-	78,334	-	-	-	-	(78,334)	-	-	-
Pelarasan pertukaran mata wang		-	-	-	-	11,425	-	-	-	11,425	-	11,425
Pendapatan/(Perbelanjaan) bersih yang diiktiraf langsung dalam ekuiti		-	(21)	78,334	(84,644)	11,425	(91,486)	-	(78,334)	(164,726)	-	(164,726)
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	-	-	-	860,824	860,824	17,430	878,254
Jumlah pendapatan/ (perbelanjaan) bersih yang diiktiraf bagi tahun		-	(21)	78,334	(84,644)	11,425	(91,486)	-	782,490	696,098	17,430	713,528
Pembelian Saham menurut Skim Saham Eksekutif ("ESS") ^{^^}		-	-	-	-	-	-	(7,064)	-	(7,064)	-	(7,064)
Langganan saham-saham dalam AmPrivate Equity		-	-	-	-	-	-	-	-	-	400	400
Timbul dari perolehan AmG Insurance Berhad		-	-	-	-	-	-	-	-	-	112,700	112,700
Dividen dibayar	45	-	-	-	-	-	-	-	(122,534)	(122,534)	(39,420)	(161,954)
Pada 31 Mac 2009		2,722,970	1,986,836	1,323,767	(41,744)	19,591	(91,486)	(7,064)	1,823,223	7,736,093	175,462	7,911,555

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (SAMB.)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2009

	Nota	Modal saham RM'000	Pengubahan saham keutamaan [^] RM'000	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan	Jumlah RM'000
				Premium Saham RM'000	Saham dipegang dalam amanah bagi ESS RM'000	Keuntungan tidak diagihkan RM'000	
Syarikat							
Pada 1 April 2007		2,130,565	-	792,381	-	711,940	3,634,886
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	73,964	73,964
Perbelanjaan berkait dengan Terbitan Hak		-	-	(8,534)	-	-	(8,534)
Pendapatan bersih yang diiktiraf bagi tahun		-	-	(8,534)	-	73,964	65,430
Terbitan CPS [^]		-	458,343	-	-	-	458,343
Terbitan saham menurut:						-	
Pelaksanaan Waran 1997/2007		- *	-	- *	-	-	-
Pelaksanaan Waran 2003/2008		132,497	-	155,303	-	-	287,800
Terbitan Hak		295,973	-	710,335	-	-	1,006,308
Pengubahan CPS		163,935	(458,343)	336,065	-	-	41,657
Dividends paid		-	-	-	-	(78,831)	(78,831)
Pada 31 Mac 2008		2,722,970	-	1,985,550	-	707,073	5,415,593
Pada 1 April 2008		2,722,970	-	1,985,550	-	707,073	5,415,593
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	1,060,925	1,060,925
Perbelanjaan berkait dengan Terbitan Hak		-	-	(21)	-	-	(21)
Pendapatan bersih yang diiktiraf bagi tahun		-	-	(21)	-	1,060,925	1,060,904
Pembelian Saham menurut Skim Saham Eksekutif ("ESS") ^{^^}		-	-	-	(7,064)	-	(7,064)
Dividen dibayar	45	-	-	-	-	(122,534)	(122,534)
Pada 31 Mac 2009		2,722,970	-	1,985,529	(7,064)	1,645,464	6,346,899

[^] Mewakili komponen ekuiti berjumlah 163.9 juta saham-saham keutamaan boleh ubah ("CPS") bernilai RM1.00 setiap satu kepada ANZ Funds Pte Ltd, subsidiari milik penuh Kumpulan Perbankan Australia dan New Zealand pada harga terbitan RM3.05 untuk setiap CPS dan diubah kepada 163.9 juta saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam tahun kewangan.

^{^^} Mewakili pembelian saham-saham biasa Syarikat yang diterbitkan sebanyak 2,896,000 dari pasaran terbuka oleh pemegang amanah yang dilantik oleh jawatankuasa ESS pada harga purata iaitu RM2.44 sesaham

* Mewakili 70 saham-saham biasa baru diterbitkan berikutan pelaksanaan Waran 1997/2007 oleh Syarikat. Premium saham terhasil berjumlah RM386 telah dikreditkan ke dalam akaun premium saham.

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA

Aliran Tunai

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2009

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
ALIRAN WANG TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan sebelum pencukaian dan zakat	1,217,636	1,083,872	1,194,437	100,527
Campur/(Tolak) pelarasan bagi:				
Peruntukan kerugian pinjaman dan pembiayaan-bersih	344,187	-	512,183	-
Kerugian penilaian semula sekuriti dipegang untuk urus niaga	32,978	-	128,923	-
Kerugian kemerosotan nilai atas sekuriti	76,524	-	111,958	-
Faedah tertanggung	95,486	-	98,355	-
Susut nilai hartanah dan peralatan	50,486	245	48,425	229
Pelunasan perisian komputer	27,411	-	23,494	-
(Masuk Kira Semula)/Kerugian kemerosotan amaun boleh diperolehi semula di bawah urusniaga sekuritisasi yang disokong aset	(17,000)	-	10,000	-
(Masuk Kira Semula)/Peruntukan pelbagai hutang ragu belum terima-bersih	(3,653)	-	2,292	-
Peruntukan am penglibatan dan tanggungan luar jangka	11,974	-	1,641	-
Pelbagai penghutang belum terima dihapuskan	692	-	1,616	-
Peruntukan harta-harta dirampas	1,942	-	473	-
(Kerugian)/Keuntungan dari sekuritisasi aset	(893)	-	183	-
Pelunasan bayaran pajakan tanah prabayar	159	-	165	-
Kerugian kemerosotan nilai atas aset diperolehi hasil pertukaran hutang	-	-	45	-
Hartanah dan peralatan dihapuskan	40	-	37	-
Kerugian/(Keuntungan) bersih jualan sekuriti dipegang untuk urus niaga	77,092	-	(131,616)	-
Keuntungan bersih dari penebusan sekuriti dipegang hingga matang	(46,625)	-	(106,235)	-
Keuntungan dari penebusan produk berstruktur	(4)	-	-	-
Pendapatan dividen kasar dari pelaburan	(31,718)	(1,097,074)	(58,540)	(107,980)
Kerugian/(Keuntungan) atas penilaian semula derivatif	55,790	-	(46,770)	-
Keuntungan bersih dari penjualan sekuriti sedia untuk dijual	(3,944)	-	(31,735)	-
Pindahan ke/(dari) rizab persamaan keuntungan	24,518	-	(18,211)	-
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun sekuriti pasaran wang-bersih	(23,422)	-	(14,640)	-
Keuntungan bersih penjualan hartanah dan peralatan	(1,100)	-	(686)	(21)
Perkongsi keputusan syarikat kawalan bersama	212	-	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	1,888,768	(12,957)	1,725,794	(7,245)
(Pertambahan)/Pengurangan aset operasi:				
Pembelian sekuriti bawah perjanjian jual-balik	6,649	-	178,382	43,450
Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan	1,341,784	(1,952)	252,046	131,297
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	4,347,507	-	269,358	-
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(4,813,184)	-	(5,574,103)	-
Aset-aset lain	521,977	31,084	97,150	30,800
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	1,142,619	-	146,861	-
Deposit dan dana amanah dengan institusi kewangan	107,405	-	65,656	-
Pertambahan/(Pengurangan) tanggungan operasi:				
Deposit daripada pelanggan	8,362,649	-	13,387,199	-
Deposit dan penempatan bank dan lain-lain institusi kewangan	(981,870)	-	(10,329,063)	-
Kewajipan sekuriti bawah perjanjian beli balik	-	-	(3,140,243)	-
Bil dan penerimaan belum bayar	211,004	-	452,669	-
Pinjaman berjangka	(1,438,985)	(1,300,000)	1,481,164	1,300,000
Kewajipan rekursa atas pinjaman dijual kepada Cagamas Berhad	(88,942)	-	(511,082)	-
Liabiliti-liabiliti lain	(27,180)	(17,476)	168,713	(27,719)
Wang (digunakan dalam)/diwujudkan dari operasi	10,580,201	(1,301,301)	(1,329,499)	1,470,583
Pembayaran cukai	(40,383)	-	(93,509)	-
Wang tunai bersih diwujudkan dari/ (digunakan dalam) dari aktiviti operasi	10,539,818	(1,301,301)	(1,423,008)	1,470,583

PENYATA ALIRAN WANG TUNAI (SAMB.)

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2009

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
ALIRAN WANG TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
(Pembelian)/Perolehan dari jualan sekuriti-bersih	(3,676,857)	-	1,184,502	(1,978)
Dividen diterima dari lain-lain pelaburan	23,471	-	43,320	-
Perolehan dari penjualan harta dan kelengkapan	2,346	-	900	21
Pulangan terakhir diterima untuk MalaysianVentures Sdn Bhd ("MVSB")	-	-	453	-
Perolehan baki 49.0% kepentingan ekuiti dalam AmInvestment Group Bhd ("AIGB")	-	-	(2,399,594)	(2,401,694)
Perbelanjaan berkaitan kepada terbitan hak timbul dari pewastasaan AIGB	-	(21)	-	-
Pembelian harta dan kelengkapan	(81,880)	(1,389)	(63,445)	-
Pembelian perisian komputer	(11,028)	-	(15,269)	-
Perbelanjaan permodalan ke atas perolehan kepentingan ekuiti dalam AmFraser International Pte. Ltd. ("FIPL")	-	-	(818)	-
Dividen diterima dari subsidiari-subsidiari	-	1,062,633	-	79,905
Timbul dari langganan terbitan hak AMFB Holdings Berhad ("AMFB")	-	-	-	(150,000)
Timbul dari langganan AMFB Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Ditarik Tidak Boleh Ditebus	-	-	-	(300,000)
Timbul dari langganan saham dalam AmKonzen Water Investments Management Pte Ltd	(592)	-	-	-
Timbul dari langganan saham dalam AMAB Holdings Sdn Bhd ("AMAB Holdings")	-	(264,000)	-	-
Timbul dari penjualan saham dalam AmAssurance ke AMAB Holdings	-	102,635	-	-
Wang tunai bersih (digunakan dalam)/ diwujudkan dari aktiviti pelaburan	(3,744,540)	899,858	(1,249,951)	(2,773,746)

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
ALIRAN WANG TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Perolehan dari pengurangan modal dalam AIGB	-	500,000	-	-
Perolehan dari terbitan saham-saham terbitan hak	-	-	1,006,308	1,006,308
Perolehan dari nota-nota berjangka sederhana	600,000	-	860,000	-
Perolehan dari bon boleh ditebus dan tidak bercagar	-	-	575,000	-
Perolehan dari terbitan perubahan Saham-saham Keutamaan	-	-	500,000	500,000
Perolehan dari pelaksanaan waran 2003/2008 dalam Syarikat	-	-	287,800	287,800
Perolehan dari terbitan saham oleh subsidiari kepada kepentingan minoriti	113,100	-	2,800	-
Penebusan Bon tidak bercagar	(660,000)	-	(150,000)	(150,000)
Pembayaran dividen kepada para pemegang saham Syarikat	(122,534)	(122,534)	(78,831)	(78,831)
Timbul dari pembelian saham-saham bagi Skim Saham Eksekutif ("ESS") oleh pemegang amanah yang dilantik	(7,064)	(7,064)	-	-
Pembayaran dividen kepada kepentingan minoriti oleh subsidiari	(39,420)	-	(74,014)	-
Pembayaran balik bersih pinjaman berjangka bersubordinat	(460,000)	-	-	-
Wang tunai bersih (digunakan dalam)/ diwujudkan dari aktiviti pembiayaan	(575,918)	370,402	2,929,063	1,565,277
Pertambahan/(Pengurangan) bersih wang tunai dan kesamaan wang tunai	6,219,360	(31,041)	256,104	262,114
Wang tunai dan kesamaan wang tunai pada awal tahun	10,746,526	315,078	10,490,422	52,964
Wang tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun (Nota 1)	16,965,886	284,037	10,746,526	315,078

Nota 1 : Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Bagi tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai terdiri daripada wang tunai dan dana jangka pendek, tidak termasuk deposit dan wang tunai yang dipegang oleh pemegang amanah, dan ditolak overdraf bank. Wang tunai dan kesamaan wang tunai dalam penyata wang aliran wang tunai terdiri daripada amaun kunci kira-kira yang berikut:

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Wang tunai dan dana jangka pendek	17,186,941	284,037	11,045,426	315,078
Overdraf bank (Nota 25)	(786)	-	(541)	-
	17,186,155	284,037	11,044,885	315,078
Tolak: Tunai dan baki bank dan deposit di simpan dalam amanah (Nota 5)	(219,432)	-	(297,825)	-
	16,966,723	284,037	10,747,060	315,078
Kesan perubahan kadar pertukaran mata wang	(837)	-	(534)	-
Wang tunai dan kesamaan wang tunai	16,965,886	284,037	10,746,526	315,078

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA

Penyata Kewangan

31 MAC 2009

1. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai syarikat pegangan pelaburan.

Syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti yang disenaraikan dalam Nota 15, menyediakan rangkaian perkhidmatan perbankan saudagar, perbankan komersil, pembiayaan runcit dan perkhidmatan kewangan berkaitan termasuk perniagaan perbankan Islam, penanggungan insurans nyawa dan am, pembrokeran stok dan saham, pembrokeran niaga hadapan, nasihat pelaburan dan pengurusan aset, pelaburan harta tanah dan amanah saham.

Tiada perubahan penting berlaku dalam aktiviti Kumpulan dalam tahun kewangan.

Syarikat merupakan sebuah syarikat awam berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di dalam Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia"). Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat telah diluluskan dan diberi kuasa untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 28 April 2009.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut konvesyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989, Akta Insurans 1996 dan Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") di Malaysia seperti yang diubahsuai mengikut Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM").

Penyata kewangan juga meliputi kegiatan perniagaan perbankan Islam yang dijalankan oleh Kumpulan. Perniagaan perbankan Islam secara amnya merujuk kepada penerimaan deposit, urusan niaga dalam sekuriti Islam, tawaran pembiayaan, pasaran modal dan aktiviti perbendaharaan di bawah prinsip Shariah.

Penyata kewangan direkodkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan digenapkan kepada nilai ribu yang hampir (RM'000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Dalam menyediakan penyata kewangan dalam mematuhi FRS, pihak pengurusan dikehendaki membuat penilaian, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan pakai dasar-dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Walaupun anggaran berdasarkan pengetahuan pengurusan mengenai bidang-bidang dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran di dalam ini. Bidang-bidang penting bagi anggaran dan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar-dasar yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, seperti yang didedahkan dalam Nota 4.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan adalah sejajar dengan yang diterima pakai pada tahun-tahun sebelum ini kecuali penerimaan pakai berikut:

- i. Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") yang baru dan disemak semula diselaraskan bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat berkuatkuasa bagi tempoh perakaunan bermula pada atau selepas 1 April 2008:

FRS 107	Penyata Aliran Tunai
FRS 112	Cukai-cukai Pendapatan
FRS 118	Hasil
FRS 119	Faedah Kakitangan
FRS 134	Laporan Kewangan Interim
FRS 137	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
Pindahan kepada FRS 121	Pindahan kepada FRS 121 : Kesan Perubahan dalam Kadar Pertukaran Asing- Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
Interpretasi IC 8	Skop FRS 2 Pembayaran berasaskan Saham

Penerimaan pakai FRS diatas tidak memberi kesan perubahan penting dalam polisi perakaunan Syarikat dan Kumpulan.

Piawaian dan IC Interpretasi sedia ada adalah tidak berkaitan bagi operasi-operasi Kumpulan dan Syarikat:

FRS 111	Kontrak Pembinaan
FRS 120	Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan
Interpretasi IC 1	Perubahan dalam Penyahrauliah, Pemulihan dan Liabiliti Serupa yang sedia ada
Interpretasi IC 2	Saham-saham Ahli dalam Entiti Koperatif dan Instrumen-instrumen serupa
Interpretasi IC 5	Hak kepada Kepentingan berikutan Penyahrauliah, Pemulihan dan Dana Pemulihan Alam Sekitar
Interpretasi IC 6	Liabiliti berikut penyertaan dalam Pasaran Khusus-Sisa Peralatan Elektrik dan Elektronik
Interpretasi IC 7	Menerima pakai Pendekatan Penyataan semula kepada FRS129 Perakaunan Kewangan dalam Ekonomi-ekonomi Inflasi Melampau

- ii. Berikut adalah Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") dan Interpretasi IC yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") pada tarikh kunci kira-kira tetapi masih belum berkuat kuasa:

FRS 139	Instrumen kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
FRS 4	Kontrak Insurans
FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan
FRS 8	Segmen Operasi
Interpretasi IC 9	Penilaian semula Derivatif Terbenam
Interpretasi IC 10	Pelaporan Kewangan Interim dan Pengurangan Nilai

Kesemua FRSs yang baru dan Interpretasi IC diatas berkuat kuasa pada 1 Januari 2010, kecuali FRS 8, yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2009. FRSs dan Interpretasi IC yang baru diatas dijangka tidak akan mempunyai impak yang penting atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, keatas penerapan awal kecuali untuk perubahan pada pendedahan yang timbul daripada mengambil guna FRS 7 dan FRS 8. Kumpulan dan Syarikat dikecualikan daripada mendedahkan impak yang mungkin, jika ada, dalam penyata kewangan keatas penerapan awal FRS 139.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

iii. Kesan menerima pakai piawaian tersebut adalah seperti yang dibincangkan dibawah:

- a. FRS 139 Instrumen kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran – Piawaian ini mewujudkan prinsip-prinsip pengiktirafan penyahiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan suatu entiti dan bagi perakaunan lindung nilai. Kesan daripada penerimaan pakai FRS 139 ke atas penyata kewangan apabila piawaian ini diterima pakai untuk kali pertama seperti yang diperlukan dalam perenggan 30(b) FRS 108 Dasar-dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan tidak perlu didedahkan menurut pengecualian yang diperuntukan di bawah perenggan 103AB dalam FRS139.

Berkuat kuasa 1 Januari 2005, apabila Kumpulan menerima pakai BNM/GP8 yang dipinda oleh Bank Negara Malaysia ("BNM")-Garis panduan mengenai Pelaporan Kewangan bagi Institusi-institusi Berlesen, beberapa prinsip berkaitan dengan pengiktirafan, penyahiktirafan dan pengukuran instrumen kewangan serta perakaunan lindung nilai yang serupa dengan yang ditetapkan oleh FRS 139 telah diterima pakai oleh Kumpulan. Dasar-dasar perakaunan ini dinyatakan dalam Nota ke atas sekuriti dan instrumen derivatif.

- b. FRS 4 Kontrak Insurans – Piawaian baru ini memperincikan keperluan-keperluan pelaporan kewangan bagi kontrak insurans oleh mana-mana entiti yang mengeluarkan kontrak tersebut ("Penginsurans"). Terutamanya, ia memerlukan pendedahan yang mengenal pasti dan menjelaskan jumlah-jumlah dalam penyata kewangan penginsurans berikutan daripada kontrak insurans dan membantu pengguna penyata kewangan tersebut untuk memahami jumlah, waktu dan ketidaktentuan aliran tunai masa depan daripada kontrak insurans. Pemakaian piawaian ini dijangka tidak mempunyai apa-apa kesan penting ke atas keputusan kewangan Kumpulan kerana Kumpulan hanya mempunyai jumlah yang kecil yang dijana daripada perniagaan insurans. Kesan daripada pemakaian FRS 4 ke atas penyata kewangan apabila piawaian ini diterima pakai untuk pertama kalinya seperti yang diperlukan dalam perenggan 30(b) FRS 108 Dasar-dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan tidak perlu didedahkan menurut pengecualian yang diperuntukan di dalam perenggan 41 AA dalam FRS 4.
- c. FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan – Ini adalah piawaian baru yang memerlukan pendedahan dalam penyata kewangan yang membolehkan pengguna menilai kepentingan instrumen kewangan bagi kedudukan kewangan dan prestasi entiti, dan bentuk dan setakat mana risiko berikutan instrumen kewangan yang mana sesuatu entiti itu terdedah dan bagaimana risiko-risiko tersebut diuruskan. Piawaian ini memerlukan kedua-dua pendedahan kualitatif yang menerangkan maklumat pengurusan, dasar-dasar dan proses bagi menguruskan risiko-risiko tersebut dan pendedahan kuantitatif yang menyediakan maklumat mengenai sejauh mana sesuatu entiti itu terdedah kepada risiko, berdasarkan maklumat dalam yang diberi kepada kakitangan pengurusan utama entiti berkenaan. Sesuatu entiti hendaklah tidak menerima pakai piawaian ini bagi tempoh tahunan mulai daripada sebelum 1 Januari 2010 melainkan ia menerima pakai FRS 139. Pemakaian ini dijangka tidak mempunyai kesan penting ke atas keputusan kewangan Kumpulan kerana piawaian ini hanyalah berkaitan dengan pendedahan dalam penyata kewangan.
- d. FRS 8: Segmen Operasi – Piawai baru ini memerlukan sebuah entiti melaporkan maklumat kewangan dan deskriptif tentang segmen yang boleh dilaporkan. Segmen yang boleh dilaporkan adalah segmen operasi atau pengagregatan dari segmen operasi yang memenuhi kriteria tertentu. Segmen-segmen operasi adalah komponen-komponen entiti yang mempunyai maklumat kewangan asing yang kerap dinilai oleh ketua pembuat keputusan operasi dalam membuat keputusan peruntukan sumber dan dalam menilai prestasi. Umumnya, maklumat kewangan perlu dilaporkan atas dasar yang sama, kerana ia digunakan dalam entiti untuk menilai prestasi segmen operasi dan membuat keputusan peruntukan sumber kepada pendedahan segmen operasi dalam penyata kewangan. Penggunaan piawai ini tidak akan mempunyai impak kepada penyata kewangan Kumpulan.
- e. Interpretasi IC 9 Penilaian semula Derivatif Terbenam – Interpretasi ini menjelaskan bahawa penilaian semula derivatif terbenam selepas pengiktirafan awalnya adalah dilarang melainkan terma-terma instrumen telah diubah dan ini mempunyai kesan ketara ke atas aliran tunainya. Interpretasi IC ini dijangka tidak mempunyai apa-apa kesan yang penting ke atas penyata kewangan tahunan Kumpulan.
- f. Interpretasi IC 10 Pelaporan Kewangan Interim dan Pengurangan Nilai – Interpretasi ini menjelaskan bahawa sesuatu entiti tidak akan membalikkan kerugian pengurangan nilai atas muhibah dan pelaburan dalam instrumen ekuiti dan aset kewangan dibawa pada kos yang diiktiraf dalam tempoh interim. Interpretasi ini tidak diterima pakai ke atas penyata kewangan tahunan Kumpulan.

Pada bulan Ogos 2008, MASB mengumumkan rancangannya untuk membawa Malaysia kepada pematuhan sepenuhnya Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") menjelang 1 Januari 2012. Kesan kewangan dan kesan ke atas pendedahan dan pengukuran berikutan pematuhan sepenuhnya itu adalah pada masa ini masih dinilai semetara menunggu pengeluaran pindaan FRS sedemikian yang menggabungkan pematuhan sepenuhnya.

Pada 20 Oktober 2008, BNM telah mengeluarkan satu pekeliling yang menetapkan keadaan-keadaan terhad yang membenarkan institusi kewangan untuk mengelaskan semula instrumen kewangan yang kini dipegang dalam portfolio sekuriti yang dipegang untuk urus niaga ke dalam portfolio sekuriti sedia ada untuk dijual dan sekuriti dipegang sehingga matang. Koneksi ini hanya berkuat kuasa bagi tempoh 1 Julai 2008 hingga 31 Disember 2009.

Laporan pengekelasan semula didedahkan dalam Nota 59 penyata kewangan.

Asas Penyatuan

Penyata kewangan Kumpulan mengandungi penyata kewangan Syarikat dan kesemua subsidiarinya pada tarikh kunci kira-kira. Penyata kewangan subsidiari telah disediakan bersamaan dengan tarikh laporan kewangan Syarikat.

Subsidiari-subsidiari disatukan daripada tarikh perolehan iaitu tarikh dimana Kumpulan mendapat kawalan, dan terus akan disatukan sehingga tamat kawalan ke atas subsidiari tersebut. Dalam menyediakan penyata kewangan disatukan, baki dan keputusan keuntungan atau kerugian belum direalisasi telah dihapuskan dalam penyatuan. Polisi-polisi perakaunan diterima pakai dalam penyata pendapatan disatukan bagi semua transaksi dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Syarikat telah menggunakan kedua-dua kaedah gabungan (atau "kaedah pengumpulan kepentingan") dan kaedah pemerolehan untuk menyediakan penyata kewangan disatukan. Kaedah gabungan diguna pakai dalam pemindahan syarikat subsidiari menurut skim aturan di bawah penyusunan semula Kumpulan yang selesai dalam 1992. Kaedah pemerolehan telah diguna pakai dalam pemerolehan yang lain.

Di bawah kaedah pemerolehan, termasuk peruntukan kos pemerolehan kepada nilai saksama aset yang diberikan dan liabiliti dan kontigen liabiliti yang dikenakan pada tarikh pemerolehan. Kos pemerolehan diukur sebagai agregat nilai saksama aset yang diberikan, liabiliti yang dikenakan atau diserap dan instrumen ekuiti yang diterbitkan pada tarikh pertukaran, ditambah kos yang berkaitan langsung dengan pemerolehan tersebut.

Lebih kos pemerolehan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti kontigen bersih yang boleh dikenalpasti dikira sebagai ihsan dalam penyatuan. Jika kos pemerolehan kurang dari nilai saksama aset syarikat subsidiari yang diperolehi, perbezaan ini diiktiraf terus ke penyata kewangan.

Di bawah kaedah gabungan, keputusan subsidiari dibentang seakan-akan gabungan telah berlaku sepanjang tahun-tahun semasa dan sebelumnya. Gabungan aset dan liabiliti dikira berdasarkan amau yang dibawa dari perspektif kawalan pemegang saham yang sama pada tarikh pemindahan. Dalam penyatuan, kos gabungan dihapuskan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang perbezaan kredit yang terhasil diklasifikasi sebagai rizab yang tidak boleh diagihkan. Sebarang perbezaan debit yang terhasil diselaraskan dengan sebarang rizab yang sesuai. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan rizab lainnya yang berkait dengan modal saham perusahaan yang bergabung, selagi ia belum dimodalkan dengan perbezaan debit, diklasifikasikan dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam rizab modal lain.

Keuntungan atau kerugian dari penjualan syarikat subsidiari adalah perbezaan antara hasil penjualan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersihnya pada tarikh penjualan termasuk amau kumulatif sebarang perbezaan pertukaran berkenaan dengan syarikat subsidiari yang dijual. Semua untung atau rugi dari penjualan subsidiari diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan.

Kepentingan minoriti mewakili sebahagian dari keputusan bersih operasi dan aset bersih sebuah syarikat subsidiari yang diwakilkan kepada kepentingan ekuiti dan debentur yang tidak dimiliki, secara langsung atau tidak langsung melalui syarikat-syarikat subsidiari, oleh Syarikat atau syarikat –syarikat subsidiari. Ia diukur pada bahagian nilai saksama aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari yang boleh diiktiraf pada tarikh pemerolehan dan perubahan dalam ekuiti syarikat-syarikat subsidiari dari tarikh tersebut, kecuali apabila kerugian untuk kepentingan minoriti melebihi kepentingan minoriti dalam ekuiti syarikat subsidiari tersebut. Dalam kes sedemikian, lebihan dan kerugian selanjutnya untuk kepentingan minoriti diwakilkan kepada pemegang ekuiti Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari, kecuali kepentingan minoriti mempunyai obligasi yang mengikat kepada, dan mampu untuk menyerap kerugian tersebut. Apabila syarikat subsidiari tersebut melaporkan keuntungan, keuntungan untuk kepentingan minoriti diberi kepada pemegang ekuiti Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari sehingga bahagian kerugian kepentingan minoriti yang sebelum ini diserap oleh pemegang ekuiti Syarikat atau syarikat-syarikat subsidiari telah didapatkan kembali.

Untuk gabungan perniagaan di mana kepentingan ekuiti Kumpulan dalam sebuah syarikat subsidiari bertambah melalui langganan tambahan terbitan saham baru syarikat subsidiari berbanding dengan kepentingan ekuiti sedia ada dan di mana harga terbitan saham adalah lebih tinggi atau rendah nilai aset bersih syarikat subsidiari tersebut, dan akibat dari kecairan atau kenaikan bahagian aset bersih Kumpulan dalam syarikat subsidiari tersebut diiktiraf ke dalam ekuiti.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Pelaburan Dalam Subsidiari

Subsidiari-subsidiari adalah syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan polisi-polisi operasi sesebuah syarikat untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Potensi hak mengundi yang boleh dilaksanakan atau boleh diubah dipertimbangkan apabila kawalan dinilai.

Bagi gabungan perniagaan yang kepentingan ekuiti Kumpulan dalam subsidiari ditambah oleh sebab langganan kepada bahagian yang lebih tinggi dalam terbitan saham baru syarikat subsidiari tersebut berbanding dengan kepentingan ekuitinya yang ada dan sekiranya harga terbitan saham adalah lebih daripada atau di bawah nilai aset bersih syarikat subsidiari, pengurangan atau penambahan bahagiannya dalam aset bersih dalam syarikat subsidiari diiktiraf dalam ekuiti.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan sebuah subsidiari adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul bagi apa-apa perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan syarikat subsidiari yang akan dilupuskan. Semua keuntungan dan kerugian atas pelupusan syarikat subsidiari diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan. Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak kerugian pengurangan nilai, jika ada. Apabila pelaburan sedemikian dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan dalam penyata pendapatan Syarikat.

Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting tetapi tidak mempunyai kuasa ke atas syarikat tersebut. Pengaruh penting merupakan kuasa untuk mengambil bahagian dalam menentukan polisi operasi dan kewangan syarikat bersekutu tetapi tidak berkuasa ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dibawah kaedah perakaunan ekuiti dan pada mulanya dinyatakan pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam kunci kira-kira yang disatukan pada kos dicampur bahagian Kumpulan bagi keputusan bersih selepas pengambilalihan syarikat bersekutu tersebut ditolak kerugian pengurangan nilai, jika ada, yang ditentukan atas dasar sesebuah syarikat individu. Bahagian Kumpulan dalam keputusan syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan yang disatukan. Apabila terdapat perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan mengiktiraf bahagian perubahan berkenaan.

Dalam menerima pakai kaedah ekuiti, keuntungan dan kerugian belum direalisasi antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan sehingga kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu. Selepas penerimaan pakai kaedah ekuiti, Kumpulan harus menentukan samadaperlu bagi mengiktiraf sebarang tambahan kerugian pengurangan nilai yang berkaitan dengan pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Syarikat bersekutu adalah ekuiti yang diambil kira dari tarikh Kumpulan mempunyai pengaruh penting sehingga pada tarikh dimana kepentingan tersebut ditamatkan.

Muhibah berkaitan dengan syarikat bersekutu dimasukkan ke dalam amaun dibawa pelaburan dan tidak dilunaskan. Sebarang lebihan daripada bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset dan liabiliti luar jangka boleh dikenal pasti bersih syarikat bersekutu berbanding dengan kos pelaburan tidak dimasukkan ke dalam nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam menentukan bahagian Kumpulan dalam keputusan syarikat bersekutu dalam tempoh pelaburan tersebut diperolehi.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, termasuk lain-lain amaun belum terima tidak bercagar, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali hingga ke tahap Kumpulan mengalami obligasi undang-undang atau membina atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Dalam penyata kewangan diaudit yang terkini syarikat bersekutu digunakan oleh Kumpulan dalam menerima pakai kaedah ekuiti. Dimana tarikh penyata kewangan yang diaudit tidak bersempadan dengan syarikat lain dalam Kumpulan, bahagian keputusan timbul dari penyata kewangan lepas yang diaudit dan pengurusan penyata kewangan sehingga ke akhir tempoh perakaunan. Polisi-polisi perakaunan diterima pakai dalam penyata pendapatan disatukan bagi semua transaksi dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian pengurangan nilai, jika ada, yang ditentukan berdasarkan individu. Mengenai pelupusan pelaburan-pelaburan seumpamanya, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

Pelaburan Dalam Entiti kawalan bersama

Entiti kawalan bersama adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain yang mana terdapatnya perkongsian kuasa yang telah dipersetujui secara kontraktual oleh Kumpulan dengan satu atau lebih pihak di mana keputusan kewangan dan operasi strategik berkaitan entiti tersebut memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang berkongsi kuasa.

Keputusan dalam entiti kawalan bersama adalah diperakunkan dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Dikawal oleh Kumpulan, kepentingan entiti dalam entiti kawalan bersama termasuk dalam kunci kira-kira disatukan pada kos yang diselaraskan bagi perubahan dari tarikh pemerolehan dalam bahagian aset bersih entiti kawalan bersama Kumpulan

Pelaburan dalam entiti-entiti kawalan bersama adalah diperakunkan dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dan pada mulanya diiktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama termasuk muhibah yang dikenal pasti ketika pemerolehan, ditolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Aset Tertunda

i. Ihsan/Premium Berpunca Dari Penyatuan

Ihsan berpunca dari penyatuan bagi syarikat-syarikat subsidiari adalah termasuk dalam aset tertunda keatas kunci kira-kira. Premium berpunca dari penyatuan untuk syarikat bersekutu adalah termasuk dalam pelaburan syarikat bersekutu.

Ihsan/premium berpunca dari penyatuan hasil daripada pemerolehan sebelum 1 Januari 2006 mewakili lebihan harga pembelian ke atas kepentingan nilai saksama aset bersih syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan yang dikenal pasti pada tarikh pemerolehan. Ihsan/premium berpunca dari penyatuan hasil daripada pemerolehan pada atau selepas 1 Januari 2006 mewakili lebihan harga pembelian ke atas kepentingan nilai saksama aset, tanggungan dan penglibatan tanggungan bersih syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu Kumpulan yang dikenal pasti pada tarikh pemerolehan.

Ihsan, pada mulanya diiktiraf sebagai aset pada kos dan yang seterusnya diukur pada kos tolak kerugian kemerosotan nilai terkumpul, jika ada. Ihsan dikaji bagi kemerosotan nilainya pada setiap tahun, atau lebih kerap, jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan nilai-nilai buku akan merosot. Pada pelupusan syarikat subsidiari dan bersekutu, pengalihan amaun ihsan/premium atas penyatuan termasuk dalam ketetapan keuntungan dan kerugian atas pelupusan.

ii. Perisian Komputer

Perisian komputer yang dibeli dimodalkan atas dasar kos yang dikenakan untuk membeli dan menggunakan perisian spesifik. Kos berkaitan dengan menyelenggara program perisian komputer dikira sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos yang dikait langsung dengan pembanguna produk perisian yang boleh dikenalpasti sebagai aset tidak ketara. Kos langsung termasuk kos pembangunan perisian penggajian pekerja dan kos-kos yang berkaitan dengannya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset tertunda dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangka hayat kegunaannya selama tiga (3) hingga lima (5) tahun.

iii. Lain-lain aset tak ketara

Lain-lain aset tak ketara yang diperolehi diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Berikutan pengiktirafan awal, aset-aset tak ketara dibawa pada kos tolak apa-apa pelunasan terkumpul dan apa-apa kerugian pengurangan nilai terkumpul, jika ada.

Aset tak ketara dengan hayat berguna terhad, jika ada, akan dilunaskan atas dasar garis lurus berbanding jangka hayat berguna dan dinilai untuk pengurangan nilai apabila terdapat penunjuk bahawa aset tak ketara itu mungkin dikurangkan nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tak ketara dengan jangka hayat terhad disemak semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Aset tak ketara dengan hayat berguna yang tidak terhad tidak dilunaskan atas dasar garis lurus berbanding jangka hayat berguna dan dinilai untuk pengurangan nilai apabila terdapat penunjuk bahawa aset tak ketara itu mungkin dikurangkan nilai. Aset tak ketara dengan jangka hayat berguna yang tidak terhad disemak semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tidak terhad terus memerlukan sokongan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Perjanjian Pembelian Balik

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian penjualan balik adalah sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Syarikat dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan. Komitmen untuk menjual balik sekuriti tersebut dinyatakan sebagai aset di dalam kunci kira-kira.

Sekuriti yang dibeli di bawah perjanjian balik adalah repo jualan beli-balik, merupakan sekuriti yang dibeli oleh Kumpulan dan Syarikat dengan pemindahan hak milik, dengan komitmen untuk menjual balik pada masa hadapan dan boleh diperniagakan lagi dalam tempoh masa repo. Komitmen untuk menjual balik sekuriti, yang diperuntukan lagi dan dinyatakan sebagai sekuriti dijual dan belum dibeli balik, dinyatakan sebagai aset dalam kunci kira-kira.

Sebaliknya, kewajipan ke atas jualan sekuriti di bawah perjanjian beli balik adalah sekuriti yang dijual oleh Kumpulan dan Syarikat daripada portfolionya, dengan komitmen untuk membeli balik pada masa hadapan bagi tujuan pendanaan. Nilai yang mengiringi sekuriti perjanjian pembelian balik tetap di dalam akaun aset masing-masing, sementara kewajipan membeli balik sekuriti pada harga dipersetujui pada tarikh masa hadapan diambil kira sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira.

Sekuriti

Pegangan portfolio sekuriti Kumpulan adalah diiktiraf berdasarkan kategori dan kaedah penilaian berikut:

i. Sekuriti dipegang untuk urus niaga

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan jika ia dimiliki dengan tujuan mendapat faedah daripada perubahan harga sebenar atau jangka pendek atau untuk mengikat keuntungan arbitraj. Sekuriti dipegang untuk jualan akan dinyatakan pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pertukaran nilai saksama dan sekuriti dipegang untuk jualan yang tidak diiktiraf lagi akan diiktiraf dalam penyata pendapatan

ii. Sekuriti dipegang sehingga matang

Sekuriti dipegang sehingga matang adalah aset kewangan dengan pembayaran tetap atau tertentu dan kematangan yang tetap, di mana Kumpulan mempunyai tujuan dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Saham-saham tidak disebut harga dalam organisasi yang ditubuhkan bagi tujuan sosio-ekonomi dan instrumen ekuiti yang diterima hasil daripada pengstruktur semula pinjaman atau pertukaran pinjaman yang mana tidak mempunyai harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur secara pasti juga diklasifikasikan sebagai sekuriti dipegang hingga matang dan diukur pada kos.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada pertambahan/pelunasan kos berdasarkan kaedah sela efektif. Pelunasan premium, pertambahan nilai diskaun dan kemerosotan nilai serta keuntungan dan kerugian yang timbul daripada sekuriti dipegang hingga matang yang tidak diiktiraf lagi akan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

iii. Sekuriti sedia untuk dijual

Sekuriti sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang tidak diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual atau dipegang hingga matang. Sekuriti sedia untuk dijual diukur pada nilai semasa atau pada kos pelunasan (tolak kerugian kemerosotan nilai) jika nilai saksama tidak boleh diukur. Sebarang keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf secara langsung dalam ekuiti melalui penyata perubahan dalam ekuiti, sehingga aset kewangan dijual, dikumpul, dilupuskan atau dirosot nilai, pada masa di mana keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam ekuiti sebelum ini akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

Instrumen Kewangan Derivatif dan Perakaunan Lindungan Nilai

Derivatif kewangan diiktiraf pada nilai saksama pada mulanya dalam kunci kira-kira, dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama. Nilai saksama derivatif tukaran wang diperolehi daripada harga pasaran yang disebut. Nilai saksama derivatif dikaunter diperolehi menggunakan teknik penilaian, termasuk kaedah aliran tunai terdiskaun dan model penetapan harga pilihan. Derivatif kewangan dikelaskan sebagai aset apabila nilai saksamanya adalah positif dan sebagai liabiliti apabila nilai saksamanya adalah negatif.

Kumpulan menyertai urus niaga derivatif bagi tujuan urus niaga dan lindung nilai. Bagi derivatif yang dipegang untuk urus niaga, perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan. Bagi urus niaga derivatif yang memenuhi kriteria khusus untuk perakaunan lindung nilai, Kumpulan mengguna pakai sama ada perakaunan nilai saksama atau lindung nilai aliran tunai.

Pada masa instrumen kewangan ditetapkan sebagai pelindung nilai, Kumpulan secara rasmi mendokumenkan perhubungan antara instrumen lindung nilai dan butiran yang dilindungi nilai, termasuk bentuk risiko yang hendak dilindungi nilai, matlamat pengurusan risiko dan strategi untuk melaksanakan lindung nilai serta kaedah yang digunakan untuk menilai keberkesanan lindung nilai. Lindung nilai dijangka amat berkesan dan dinilai atas dasar berterusan bagi memastikan ia kekal amat berkesan sepanjang tempoh lindung nilai. Untuk mencapai keberkesanan sebenar, perubahan-perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai instrumen lindung nilai dan butiran yang dilindungi nilai mesti mengimbangi satu sama lain pada kadar antara 80% hingga 125%.

Kumpulan tidak meneruskan perakaunan lindung nilai sekiranya instrumen lindung nilai tamat tempohnya, dijual, ditamatkan atau dilaksanakan atau sekiranya lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan lindung nilai atau dibatalkan.

i. Lindung nilai saksama

Lindung nilai saksama adalah lindung nilai terhadap pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf atau komitmen teguh yang tidak diiktiraf yang berpunca daripada risiko tertentu dan boleh memberi kesan ke atas keuntungan dan kerugian. Bagi lindung nilai saksama yang layak, perubahan dalam nilai saksama instrumen lindung nilai dan butiran yang dilindungi nilai berkaitan dengan risiko yang dilindungi nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan. Sekiranya lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan lindung nilai, pelarasan kepada amaun dibawa butiran yang dilindungi nilai dilunaskan kepada penyata pendapatan sepanjang hayat butiran yang dilindungi nilai itu.

ii. Lindung nilai aliran tunai

Lindung nilai aliran tunai adalah lindung nilai pendedahan kepada kepelbagaian aliran tunai masa depan yang disebabkan oleh risiko tertentu yang dikaitkan dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau unjuran urus niaga kemungkinan besar akan berlaku dan boleh memberi kesan terhadap keuntungan atau kerugian. Bagi lindung nilai aliran tunai yang layak, bahagian berkesan bagi perubahan dalam nilai saksama instrumen dilindungi nilai dibawa kepada ekuiti sebagai rizab lindung nilai aliran tunai. Kerugian atau keuntungan berkaitan dengan bahagian yang tidak berkesan diiktiraf dengan serta merta dalam penyata pendapatan. Amaun yang terkumpul dalam ekuiti dikeluarkan ke penyata pendapatan dalam tempoh apabila unjuran urus niaga yang dilindungi nilai memberi kesan terhadap penyata pendapatan. Sekiranya unjuran urus niaga yang dilindungi nilai mengakibatkan pengiktirafan aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam ekuiti dipindahkan dari ekuiti dan dimasukkan ke dalam pengukuran permulaan kos aset atau liabiliti.

iii. Lindung nilai pelaburan bersih

Lindung nilai pelaburan bersih yang merupakan lindung nilai terhadap pendedahan kepada turun naik pertukaran ke atas aset bersih operasi luar negaranya. Lindung nilai diambil kira serupa dengan lindung nilai aliran tunai. Keuntungan atau kerugian atas instrumen lindung nilai berkaitan dengan bahagian berkesan lindung nilai dibawa terus ke rizab pertukaran mata wang asing manakala yang berkaitan dengan bahagian lindung nilai yang tak berkesan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila operasi luar negeri dilupuskan, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan ke penyata pendapatan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Peruntukan Hutang Ragu Dan Pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan hutang ragu dan pembiayaan. Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, peruntukan tertentu hutang ragu dan pembiayaan disediakan apabila kemungkinan kutipan tidak dapat ditentukan. Untuk penilaian kemungkinan kutipan, pihak pengurusan menimbangkan beberapa faktor seperti keadaan kewangan peminjam, anjuran aliran wang tunai, pengurusan, kualiti cagaran atau jaminan bagi hutang belum diterima serta keadaan ekonomi semasa dan dijangkakan.

Peruntukan am juga disediakan berasaskan pada peratusan yang ditetapkan bagi pertambahan bersih hutang dan pembiayaan belum diterima, dan dikekalkan oleh Kumpulan daripada risiko yang tidak sepatutnya dikenal pasti. Selain itu, elaun am berdasarkan peratusan tetap bagi peningkatan bersih dalam hutang belum dibayar lain juga dibuat. Peratusan ini dikaji semula setiap tahun berdasarkan pengalaman lepas dan keadaan yang sedia ada dan pelarasan dibuat pada elaun am untuk lain-lain hutang belum diterima, jika perlu.

Pinjaman atau pembiayaan yang tidak boleh dikutip atau sebahagian daripadanya yang dikelaskan sebagai lapuk adalah dihapuskan selepas mengambilkira nilai realisasi cagaran, jika ada, apabila pihak pengurusan berpendapat tiada peluang untuk bayaran balik.

Peruntukan am dan tertentu untuk pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan bagi Kumpulan dikira berdasarkan kepada keperluan garis panduan BNM iaitu "Klasifikasi bagi Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan Substandard, Hutang Lapuk dan Ragu" ("BNM/GP3"). Walaubagaimanapun, Kumpulan telah melakukan pengukuhan serapan ke atas dasar klasifikasi pinjaman tidak berbayar, di mana pinjaman telah dicategorikan sebagai pinjaman tidak berbayar dan substandard apabila pembayaran tertunggak lebih daripada tiga (3) bulan daripada hari pertama atau selepas tarikh matang.

Dalam tahun kewangan, Kumpulan melakukan pengukuhan serapan ke atas dasar pinjaman tidak berbayar peruntukan tertentu seperti berikut:

- i. Nilai yang ditentukan sebagai cagaran dipegang bagi pinjaman tidak berbayar dijamin oleh harta-harta yang ditetapkan berdasarkan ke atas nilai-nilai direalisasi bagi harta berdasarkan seperti berikut:
 - a. ditetapkan hanya lima puluh peratus (50%) daripada nilai direalisasi harta yang dipegang sebagai cagaran pinjaman tidak berbayar di mana tunggakannya lebih daripada lima (5) tahun tetapi kurang daripada tujuh (7) tahun; dan
 - b. tiada nilai ditetapkan kepada nilai sebenar daripada harta dipegang sebagai cagaran bagi pinjaman tidak berbayar di mana tunggakannya lebih daripada tujuh (7) tahun.
- ii. Peruntukan tertentu sebanyak 20.0% dibuat ke atas pinjaman tidak berbayar tertunggak sehingga tiga (3) kepada kurang daripada 6 bulan. Sebelum ini, peruntukan tertentu hanya dibuat apabila pinjaman tidak berbayar tertunggak sehingga enam (6) bulan dan ke atas.

Para pengarah berpendapat pengolahan tersebut akan mengakibatkan Kumpulan lebih berhati-hati memperuntukkan dasar bagi pinjaman, pembiayaan dan pendahuluan.

Penghutang Perniagaan dan Lain-Lain Penghutang

Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang dinyatakan pada nilai buku setelah dikurangkan dengan peruntukan sewajarnya berdasarkan anggaran amaun dianggap tidak dapat bayar balik. Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan anggaran kemungkinan kerugian yang mungkin timbul akibat daripada sesetengah akaun belum terima yang tidak boleh dikutip.

Bagi syarikat subsidiari pelaburan saham dan operasi-operasi pembrokeran saham bagi faedah tergantung berkenaan dengan akaun-akaun lapuk dan ragu serta penentuan peruntukan am adalah dibuat berdasarkan Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad seperti berikut:

- i. Peruntukan tertentu dibuat ke atas akaun-akaun lapuk dan ragu pada kadar 50% dan 100% masing-masing, tertakluk kepada pengurangan faedah tergantung dan nilai kolateral yang dipegang. Peruntukan am ditetapkan berdasarkan 1.5% atas jumlah penghutang perniagaan selepas menolak amaun faedah tergantung dan peruntukan tertentu mengikut Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.
- ii. Pendapatan faedah yang terakru atas akaun-akaun tersebut digantung apabila dianggap tidak berbayar selaras dengan Jadual 7, Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Selaras dengan Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad, akaun-akaun pelanggan dikategorikan sebagai tidak berbayar (lapuk dan ragu) seperti perkara-perkara dibawah:

Jenis-jenis	Kriteria untuk klasifikasi tidak berbayar	
	Ragu	Lapuk
Kerugian kontra	Apabila akaun kekal tidak berbayar untuk 16 hingga 30 hari daripada tarikh urusniaga kontra.	Apabila akaun kekal tidak berbayar lebih daripada 30 hari daripada tarikh urusniaga kontra.
Kontrak-kontrak pembelian tertunda	Apabila akaun kekal tidak berbayar daripada T+3 hari pasaran hingga 30 hari.	Apabila akaun kekal tidak berbayar lebih daripada 30 hari.

Harta-Harta Dirampas

Harta-harta dirampas adalah pemerolehan sepenuh atau separa penjelasan hutang dan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai harta tersebut, jika ada.

Amaun Belum Terima Di Bawah Urusniaga Sekuritisasi yang Disokong Aset ("ABS")

Ini adalah berkaitan dengan baki ganjaran pembelian yang boleh didapat balik di bawah urusniaga ABS oleh Badan Tujuan Khas ("SPV"), di mana amaun tersebut akan didapat balik selepas bon yang mendasari matang. Di bawah ABS, portfolio amaun-amaun belum terima dijual kepada SPV yang dibiayai melalui penerbitan bon yang dijamin oleh amaun belum terima.

Apabila tanda kemerosotan nilai wujud, amaun buku untuk amaun boleh didapat balik kembali dibawah urusniaga ABS dinilai dan diturunkan nilai kepada amaun boleh didapat kembali.

Perbezaan antara ganjaran belian dan nilai buku diiktiraf ke dalam penyata pendapatan

Harta, Kelengkapan Dan Susut Nilai

Harta dan kelengkapan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Kos termasuk perbelanjaan secara langsung diagih kepada pemerolehan item-item harta kelengkapan masing-masing.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam amaun buku aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mana yang manasabah, hanya apabila manfaat ekonomi akan datang bersangkutan dengan butiran tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai buku bahagian yang diganti tidak diiktiraf lagi. Semua penyelenggaraan dan membaik pulih dicaj ke penyata pendapatan dalam tahun kewangan di mana ia berlaku.

Tiada susut nilai diperuntukan bagi tanah milik bebas. Tanah pajakan disusut nilai dalam tempoh pajakan atau lima puluh tahun, yang mana lebih rendah. Susut nilai, lain-lain harta dan kelengkapan dikira menggunakan kaedah sama rata pada kadar-kadar berdasarkan anggaran hayat kegunaan masing-masing.

Kadar susut nilai tahunan bagi pelbagai kelas harta dan kelengkapan adalah seperti berikut:

Bangunan milik bebas	2%
Bangunan pegangan pajak	2% atau ke atas terma pajakan jangka pendek
Kenderaan bermotor	20%
Pembaikan pegangan pajak	10% - 33 1/3%
Peralatan komputer	20% - 33 1/3%
Kelengkapan pejabat dan kediaman, perabot dan perkakas	10% - 33 1/3%

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Nilai baki, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula dan diselaraskan jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai jangkaan corak penggunaan manfaat-manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam butiran hartanah dan peralatan tersebut.

Sesuatu butiran aset tidak diiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun buku bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Harta tanah Pelaburan

Harta tanah pelaburan adalah harta tanah yang dipegang samada untuk mendapat pendapatan sewa atau kenaikan modal atau kedua-duanya. Harta tanah yang diduduki oleh syarikat dalam Kumpulan dikira sebagai didiami-pemilik dan bukan harta tanah pelaburan.

Harta tanah pelaburan Kumpulan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Harta tanah pelaburan disusutnilai dengan kaedah garislurus bagi melunaskan kos aset kepada nilai baki ke atas jangka hayat kegunaannya.

Harta tanah pelaburan dana insurans Kumpulan dinyatakan pada kos dan termasuk perbelanjaan sampingan dan berkaitan yang ditanggung. Selepas pengiktirafan permulaan, harta tanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama dikira dengan mengkaji harga transaksi sebagai bukti pasaran untuk harta tanah yang sama dan dilakukan oleh jurunilai berdaftar bebas dan memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf dan berpengalaman tentang lokasi dan kategori harta tanah yang dinilai.

Tanpa harga semasa dalam pasaran yang aktif, kaedah penilaian alternatif digunakan seperti harga terbaru dalam pasaran yang kurang aktif atau penilaian aliran tunai yang didiskaun. Penilaian aliran tunai disediakan dengan mengambil kira jumlah aliran tunai dijangkakan yang bakal diterima daripada penyewaan harta tanah tersebut. Satu hasil yang mencerminkan risiko spesifik yang tersirat dalam aliran tunai bersih kemudian digunakan untuk aliran tunai tahunan untuk mendapat penilaian harta tanah.

Keuntungan atau kerugian yang timbul dari perubahan dalam nilai saksama harta tanah pelaburan diiktiraf dalam akaun pendapatan insurans nyawa dalam tahun ianya timbul.

Harta tanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila ia dilupuskan atau harta tanah pelaburan dikeluarkan secara tetap daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi masa depan dijangkakan daripada penjualannya. Sebarang keuntungan atau kerugian ke atas penyaraan harta tanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tahun ia berlaku.

Aset bukan semasa (Atau Kumpulan Pelupusan) Dipegang Untuk Jualan dan Operasi Dihentikan.

Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) diklasifikasi sebagai aset dipegang untuk jualan dan dinyatakan pada amaun buku dan nilai saksama, mana yang lebih rendah, ditolak kos untuk jualan jika amaun buku dapat dikembalikan secara prinsipal melalui transaksi jualan dan bukan sebaliknya melalui penggunaan berterusan.

Satu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai operasi dihentikan apabila kriteria untuk diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau telah dilupuskan dan komponen tersebut mewakili jalur perniagaan berasingan utama atau operasi kawasan geografi, adalah sebahagian dari satu jalur perniagaan utama yang teratur atau operasi kawalan geografi, atau satu syarikat subsidiari yang diperolehi secara eksklusif dengan niat untuk dijual semula.

Aset Dibeli Di Bawah Pajak

Aset dibeli di bawah pajakan kewangan di mana terdapat pemindahan manfaat dan risiko pemilikan aset tersebut kepada Kumpulan telah dipermodalkan sebagai harta dan kelengkapan. Aset dan kewajipan pajakan berkenaan telah direkodkan pada nilai sewa minima semasa atau nilai saksama aset pajakan pada tempoh permulaan pajakan, tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai, yang mana lebih rendah.

Semasa mengira nilai sewa minima semasa, faktor diskaun yang diguna adalah kadar faedah terpendam dalam pajakan, jikalau boleh ditetapkan secara praktis, ataupun kadar pinjaman tambahan Kumpulan digunakan.

Pajakan yang tidak memenuhi kriteria tersebut akan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan sewa yang berkaitan akan dicaj kepada penyata pendapatan semasa ditanggung.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum tamat tempoh pajakan, sebarang bayaran yang mesti dibuat kepada pemberi pajak sebagai penalti dikira sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana penamatan pajakan berlaku.

Kemerosotan Nilai Aset

i. Sekuriti sedia untuk dijual

Kemerosotan nilai sekuriti sedia untuk dijual dihitung sebagai perbezaan antara amaun aset dinyatakan dan amaun yang dijangka boleh diperolehi semula.

Untuk pelaburan ekuiti yang diklasifikasikan sebagai sedia ada untuk dijual, kejatuhan nilai saksama aset yang berlarutan atau ketara di bawah kosnya diambil kira dalam menentukan samada aset tersebut merosot nilainya. Jika wujud bukti sedemikian, kerugian kumulatif, diukur sebagai perbezaan antara kos perolehan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai ke atas aset kewangan yang sebelumnya diiktiraf dalam penyata pendapatan, dikeluarkan dari rizab sedia untuk dijual dalam ekuiti dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kerugian kemerosotan nilai atas pelaburan ekuiti diiktiraf dalam penyata pendapatan tidak dibalikkan melalui penyata kewangan, hingga pelaburan tersebut dilupuskan. Untuk instrumen hutang, kebalikan kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan jika kenaikan dalam nilai saksama instrumen tersebut boleh secara objektif dikaitkan ke satu kejadian yang berlaku selepas kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata kewangan.

ii. Sekuriti dipegang hingga matang

Untuk sekuriti dipegang hingga matang yang dinyatakan pada kos terlunas, amaun kerugian kemerosotan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun dinyatakan dan nilai semasa anggaran aliran wang tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit yang belum dialami) didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Amaun kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Kebalikan dalam kerugian kemerosotan nilai seterusnya diiktiraf apabila penurunannya boleh dikaitkan secara objektif kepada kejadian yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf, hingga ke tahap di mana amaun sekuriti yang dinyatakan tidak melebihi kos terlunas jika tiada kemerosotan nilai diiktiraf. Kebalikan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Untuk sekuriti yang dipegang hingga matang pada kos, amaun kerugian kemerosotan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun aset dinyatakan dan nilai semasa anggaran aliran wang tunai masa hadapan didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang serupa. Kerugian kemerosotan nilai tersebut tidak dibalikkan dalam tempoh seterusnya.

iii. Ihsan

Bagi tujuan menguji kemerosotan nilai, ihsan diagihkan ke setiap unit dalam Kumpulan yang menghasilkan pendapatan ("CGU") yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi gabungan. Setiap CGU mewakili tahap terendah di mana ihsan diawasi dan tidak melebihi segmen berdasarkan salah satu format laporan utama Kumpulan. Ihsan yang telah diagihkan ke CGU diuji untuk kemerosotan nilai setiap tahun, atau lebih kerap jika terdapat tanda yang unit tersebut mungkin akan merosot nilainya. Jika amaun CGU yang boleh diperolehi kembali kurang dari amaun dinyatakan, kerugian kemerosotan nilai diagihkan dahulu untuk mengurangkan amaun ihsan dinyatakan yang diagihkan ke CGU dan kemudian ke aset-aset CGU lain secara pro-rata atas dasar amaun dinyatakan setiap aset CGU. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf untuk ihsan tidak dibalikkan dalam tempoh seterusnya.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Kemerosotan Nilai Aset (samb.)

iv. Lain-lain aset bukan kewangan

Nilai dinyatakan lain-lain aset bukan kewangan Kumpulan, selain daripada aset cukai tertunggak dan aset bukan semasa (atau kumpulan perlupusan) yang dipegang untuk dijual, disemak untuk kemerosotan nilai apabila terdapat tanda yang aset tersebut mungkin merosot nilainya. Jika tanda tersebut wujud, amaun aset yang boleh diperolehi kembali (iaitu mana yang lebih tinggi antara nilai saksama dikurangi kos untuk menjual dan nilai yang digunakan) akan dianggarkan untuk menentukan amaun kerugian kemerosotan nilai.

Untuk tujuan menguji kemerosotan nilai aset-aset tersebut, amaun yang boleh diperolehi kembali ditentukan atas dasar aset individu kecuali aset-aset tersebut tidak menghasilkan aliran wang tunai yang sebahagian besarnya bebas dari lain-lain aset. Jika ini berlaku, amaun yang boleh diperolehi kembali adalah ditentukan untuk CGU dimana aset tersebut dimiliki.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila amaun aset dinyatakan (atau CGU) melebihi amaun yang boleh diperolehi dari aset tersebut (atau CGU). Kerugian kemerosotan nilai untuk satu aset selain dari ihsan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun aset yang boleh diperolehi kembali semenjak kerugian kemerosotan nilai sebelum ini diiktiraf. Amaun aset dinyatakan selain ihsan dinaikkan sehingga amaun yang boleh diperolehi kembali yang telah disemak, dengan syarat amaun ini tidak melebihi amaun dinyatakan yang sepatutnya ditentukan (bersih dari perulangan atau susutnilai) jika tiada kemerosotan nilai diiktiraf untuk aset tersebut dalam tahun-tahun sebelumnya.

Bil Dan Penerimaan Belum Bayar

Bil dan penerimaan belum bayar merupakan bil dan penerimaan sendiri syarikat perbankan saudagar dan perbankan komersil yang didiskaunkan semula dan belum dijelaskan di pasaran.

Liabiliti

Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang adalah dinyatakan pada kos, iaitu nilai saksama nilai yang akan dibayar di masa hadapan untuk perkhidmatan yang diterima.

Bagi aktiviti pembrokeran stok dan saham bagi syarikat subsidiari perbankan pelaburan, pemiutang perniagaan merupakan keuntungan kontra ke pelanggan bukan bermargin dan kontrak jualan syarikat yang belum dijelaskan bagi pihak pelanggan dihitung dimana penjelasan bayaran belum dibuat. Tempoh kredit bagi menyelesaikan bayaran syarikat ialah tiga (3) hari pasaran berdasarkan kepada peraturan Bursa Malaysia. Pelanggan dan wang amanah merupakan wang yang masih terhutang kepada pihak pelanggan yang dikekalkan dalam akaun agregat Syarikat

Deposit daripada pelanggan dinyatakan pada nilai penempatan. Deposit dan penempatan dengan bank-bank dan lain-lain institusi kewangan dinyatakan pada nilai penempatan.

Dana Insuran Am

Keputusan menanggung insurans am, selain daripada yang timbul dari perniagaan perjanjian masuk, ditentukan untuk setiap kelas perniagaan, selepas mengambil kira insurans semula, rizab premium belum terima, komisi bersih, tuntutan bersih yang dialami dan rizab tambahan lain.

Rizab Premium Belum Terima mewakili risiko yang belum tamat tempoh pada akhir tahun kewangan. Dalam menentukan risiko belum tamat tempoh pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat mencerminkan risiko belum tamat tempoh sebenar yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- ii. Kaedah 1/24th untuk lain-lain kelas dasar-dasar Malaysia, dikurangkan oleh peratusan sepadan komisen kasar perniagaan terus dan perbelanjaan agensi berkaitan yang tidak melebihi batas yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

Motor	10%
Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan badan marin kapal	15%
Perubatan dan kesihatan	
- Individu bersendirian	15%
- Tiga sekumpulan atau lebih	10%
Pampasan para pekerja dan tanggungan majikan	
- Pekerja asing	10%
- Lain-lain	25%
Lain-lain kelas	10% - 25%
- iii. Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan perjanjian masuk/ luar negara dengan pemotongan 20% untuk komisen; dan
- iv. Dasar bukan tahunan dibahagi mengikut masa ke atas tempah risiko.

Dana Insurans Nyawa

Keputusan penilaian risiko insurans nyawa yang boleh dipindahkan dari dana insurans nyawa ke penyata pendapatan adalah berdasarkan lebihan yang ditentukan dengan penilaian aktuari tahunan liabiliti jangka panjang kepada pemegang polisi, dibuat menurut peruntukan Akta Insurans, 1996 oleh aktuari Kumpulan yang dilantik. Sebarang defisit yang timbul dari penilaian aktuari boleh didapati dari dana pemegang saham. Penilaian terbaru telah dibuat sehingga 31 Mac 2009 dan keputusan telah dinyatakan sewajarnya.

Peruntukan Bagi Tuntutan

Bagi tuntutan-tuntutan insurans am, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapat kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira menggunakan kaedah berdasarkan kes. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan termasuk perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan sehingga selepas tarikh kunci kira-kira berdasarkan anggaran aktuari oleh aktuari dalam Kumpulan ("aktuari yang dilantik") yang layak, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik.

Bagi tuntutan-tuntutan insurans nyawa, peruntukan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan serta perbelanjaan berkaitan, tolak amaun boleh didapat kembali daripada insurans semula, untuk tuntutan dibuat dan/atau apabila kejadian peristiwa yang boleh dituntut berlaku tetapi belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira, menggunakan kaedah berdasarkan kes tersebut

Rizab Persamaan Keuntungan ("PER")

PER adalah mekanisme untuk mengurangkan turun naik dalam kadar keuntungan belum bayar kepada pendeposit di bawah perniagaan perbankan Islam. Ia diperuntukan berdasarkan Rangka Kerja Kadar Pulangan yang diterbitkan oleh BNM. Akaun bagi PER adalah diagihkan daripada dan dimasukkan kira semula dalam jumlah pendapatan kasar Perbankan Islam. PER dinyatakan bawah "lain-lain tanggungan" Kumpulan.

Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila kemungkinan aliran sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan bagi menyelesaikan tanggungan semasa akibat daripada peristiwa lampau dan anggaran yang munasabah boleh dibuat untuk amaun tersebut.

Pinjaman Menanggung Faedah

Semua pinjaman dikategorikan pada nilai saksama dengan ganjaran diterima ditolak secara langsung dari kos transaksi diagihkan. Selepas pengiktirafan, pinjaman menanggung faedah seterusnya, diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Modal Hibrid

Modal Hibrid diklasifikasikan sebagai tanggungan dalam kunci kira-kira yang merupakan kewajipan berkontrak bagi Kumpulan untuk membuat pembayaran tunai samada prinsipal atau faedah atau kedua-duanya kepada pemegang instrumen dan Kumpulan mempunyai kewajipan berkontak untuk menyelesaikan instrumen kewangan dengan tunai atau instrumen kewangan yang lain.

Instrumen ekuiti

Saham biasa adalah dikelaskan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa adalah diiktiraf dalam penyata ekuiti dalam tahun di mana dividen tersebut diisytiharkan. Kos transaksi ekuiti diambil kira sebagai pengurangan daripada ekuiti, selepas ditolak pencukaian. Kos transaksi ekuiti hanya terdiri daripada pertambahan kos luaran yang berhubung secara langsung kepada transaksi ekuiti yang sebaliknya mungkin dielakkan.

Peruntukan Penglibatan Dan Tanggungan Luar Jangka

Berdasarkan pada penilaian pihak pengurusan ke atas jaminan diberi bagi pihak pelanggan, peruntukan tertentu bagi penglibatan dan tanggungan luar jangka dibuat apabila panggilan atau potensi tanggungan berlaku dan terdapat kekurangan dalam nilai cagaran untuk menyokong jaminan tersebut.

Perjanjian Jual Dan Beli Balik

Ini adalah tanggungjawab Kumpulan untuk menunaikan tanggungannya untuk membeli semula Sekuriti Islam tertentu pada tempoh matang. Keuntungan dan kerugian adalah diiktiraf semasa jualan dan dinyatakan sebagai keuntungan atau kerugian perniagaan daripada sekuriti dipegang untuk jualan.

Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen adalah obligasi yang mungkin timbul dari kejadian sebelumnya yang kewujudannya akan disahkan dengan terjadi atau tidak satu atau lebih kejadian akan datang yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak berkemungkinan aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingen juga timbul dalam keadaan yang luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan tepat.

Aset kontingen adalah aset yang mungkin timbul dari kejadian sebelumnya yang kewujudannya akan disahkan dengan terjadi atau tidak satu atau lebih kejadian akan datang yang tidak pasti di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi mungkin berlaku, tetapi tidak semestinya.

Pendapatan Operasi

Pendapatan operasi Kumpulan merangkumi semua kelas pendapatan daripada perbankan pelaburan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan tetapi selepas semua urusan niaga syarikat-syarikat berkaitan dihapuskan.

Pendapatan operasi Syarikat merangkumi pendapatan faedah dan lain-lain pendapatan operasi.

Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan Faedah dan Pembiayaan

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan bagi aset yang menanggung faedah berdasarkan kaedah akruan. Pendapatan faedah termasuk pelunasan premium atau kenaikan diskaun. Pendapatan faedah dan pembiayaan atas sekuriti dikira berdasarkan hasil efektif.

Kumpulan menggunakan perakaunan kaedah pembiayaan faedah dan untuk pendapatan dari kegiatan pajakan. Mengikut kaedah pembiayaan, lebihan agregat sewa ke atas kos harta pajakan (dikurangkan dengan anggaran nilai baki pada akhir pajakan), dikira sebagai pendapatan selama tempoh pajakan dan jumlahnya berkurangan setara dengan susutan baki jumlah belum diperolehi menggunakan kaedah "jumlah angka".

Pendapatan pembiayaan dan faedah atas overdraf, pinjaman jangka panjang dan pinjaman perumahan dihitung berdasarkan akruan dengan merujuk kepada tempoh masa seperti yang tercatat dalam perjanjian pinjaman. Pendapatan faedah dan pembiayaan dari pembiayaan sewa beli dan pendiskauan blok Kumpulan dikira mengikut kaedah "jumlah angka". Pendapatan dari pembiayaan Perbankan Islam diiktiraf atas dasar akruan menurut prinsip Shariah.

Fi pengendalian yang dibayar kepada penjual kenderaan untuk pinjaman sewa beli dilunaskan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman mengikut Surat Pekeliling BNM berkenaan Fi Pengendalian bertarikh 16 Oktober 2006 dan ditolak dari pendapatan faedah yang diiktiraf dalam pinjaman sewa beli.

Apabila pinjaman menjadi tidak dibayar, faedah terakru dan diiktiraf sebagai pendapatan sebelum tarikh pinjaman diklasifikasikan sebagai tidak dibayar mestilah dikeluarkan daripada pendapatan dan diimbangi dengan faedah belum terima terakru dalam kunci kira-kira. Selepas itu, faedah terakru atas pinjaman tidak dibayar mestilah diiktiraf sebagai pendapatan pada asas tunai berbanding dengan diakru dan digantung pada masa sama seperti yang dihuraikan sebelum ini.

Akaun dianggap tidak dibayar jika pembayaran balik adalah tertunggak lebih daripada tiga bulan dan selepas tarikh kematangan bagi bil perdagangan, penerimaan jurubank dan penerimaan amanah.

Dasar Kumpulan bagi pengiktirafan pendapatan faedah atas pinjaman dan pendahuluan adalah selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia bagi Klasifikasi Pinjaman Tidak Dibayar dan Peruntukan Hutang Lapuk dan Ragu dan Pelarasan BNM/GP8.

Perbelanjaan faedah dan pendapatan ke atas deposit dan pinjaman (berhubung dengan aktiviti-aktiviti perniagaan Perbankan Islam) Kumpulan dan Syarikat diakru mengikut kaedah sama rata manakala caj kewangan blok diskaun diakru menggunakan kaedah "sum-of-digit".

Pengiktirafan Pendapatan Yuran dan Lain-lain Pendapatan

Yuran mengatur pinjaman, pengurusan dan penyertaan, komisen penerimaan dan pemfaktoran, komisen tata jamin diiktiraf sebagai pendapatan setelah perjanjian ditandatangani.

Yuran khidmat nasihat dan kegiatan kewangan korporat diiktiraf sebagai pendapatan setelah selesai setiap peringkat urusan.

Yuran pengurusan aset, harta tanah dan unit amanah, agensi dan yuran penglibatan diiktiraf sebagai pendapatan mengikut pembahagian masa.

Semua keuntungan atau kerugian dari perlupusan pinjaman tidak dibayar diiktiraf dalam penyata pendapatan setelah kontrak dimeterai. Keuntungan atau kerugian dari perlupusan pinjaman tidak dibayar adalah perbezaan antara pemerolehan penjualan bersih dan nilai dinyatakan pinjaman tidak dibayar bersih yang dilupuskan.

Yuran jaminan diiktiraf sebagai pendapatan apabila jaminan dikeluarkan dan, di mana jangkamasa jaminan melebihi setahun, sepanjang tempoh jaminan.

Pendapatan dari penjualan unit amanah diiktiraf selepas unit-unit diperuntukan, bersih dari kos penjualan unit. Sewa kelengkapan dan harta diiktiraf berdasarkan akruan.

Dividen diiktiraf bila hak untuk menerima bayaran ditentukan.

Pendapatan premium dari insurans am diiktiraf dalam tempoh kewangan berkenaan dengan risiko ditanggung dalam tempoh kewangan tersebut. Perjanjian masuk insurans semula diiktiraf atas dasar nasihat berkala yang diterima dari syarikat insurans yang menyerlahkan.

Pendapatan premium dari perniagaan insurans nyawa diiktiraf sebaik sahaja amaun premium boleh diukur dengan munasabah. Pendapatan premium pertama diiktiraf dari tarikh diwujudkan dan pendapatan premium berikutnya diiktiraf pada tarikh perlu dibayar. Premium belum dijelaskan pada tarikh kunci kira-kira diiktiraf sebagai pendapatan dengan syarat premium tersebut masih berada dalam jangkamasa yang dibenarkan untuk pembayaran.

Pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan kaedah akruan apabila ia matang.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Ganjaran Pekerja

i. Ganjaran jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan ganjaran-ganjaran bukan kewangan telah diakru dalam tempoh dalam mana perkhidmatan tersebut dilakukan oleh para pekerja Kumpulan. Pengimbangan tidak hadir berkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan bergaji diiktiraf apabila perkhidmatan ditawarkan oleh kakitangan yang meningkatkan haknya untuk pengimbangan tidak hadir pada tempah hadapan, dan pengimbangan tidak hadir tidak berkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktirafkan apabila ketidakhadiran berlaku.

ii. Pelan Caruman Yang Ditetapkan

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat dalam Malaysia membuat caruman kepada skim persaraan negara. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ditanggung. Apabila caruman tersebut dijelaskan, Kumpulan tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

iii. Manfaat Penamatan

Manfaat penamatan perlu dibayar apabila perkerjaan seorang pekerja ditamatkan sebelum tarikh persaraan atau apabila seorang pekerja menerima lebih pekerja secara sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan apabila Kumpulan komited melaksanakannya samada dengan menamatkan pekerjaan pekerja sekarang menurut pelan terperinci tanpa kemungkinan ditarik kembali atau dengan menyediakan manfaat penamatan hasil daripada penawaran yang dibuat untuk menggalakkan lebih pekerja secara sukarela. Manfaat yang jatuh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira didiskaunkan ke nilai semasa.

Cukai Pendapatan

Cukai atas keuntungan atau kerugian untuk tahun kewangan terdiri daripada pencukaian semasa dan tertunda. Pencukaian diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia berkenaan dengan butiran yang diiktiraf terus dalam ekuiti, yang mana pencukaian akan diiktiraf dalam ekuiti.

Pencukaian semasa ditentukan mengikut bidang kuasa undang-undang pencukaian di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan bercukai.

Cukai tertunda dibuat, mengikut kaedah tanggungan, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas pencukaian bagi aset dan tanggungan dan nilai buku di dalam penyata kewangan. Secara prinsip, tanggungan cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh diberi potongan cukai dan kerugian yang belum digunakan sehingga kemungkinan keuntungan bercukai akan wujud untuk digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak dan kerugian pencukaian yang belum digunakan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan permulaan aset dan tanggungan yang pada masa transaksi, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan ataupun pencukaian. Jumlah cukai tertunda dibuat berdasarkan cara realisasi dijangka akan berlaku atau penjelasan nilai buku aset dan tanggungan, mengikut kadar cukai yang telah diwartakan atau sebahagian besarnya telah diwartakan pada tarikh kunci kira-kira.

Mata Wang Asing

i. Fungsi dan Penyampaian Mata Wang

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("fungsi mata wang"). Penyata kewangan yang disatukan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga mata wang fungsian Syarikat.

ii. Transaksi Mata Wang Asing

Dalam menyediakan penyata kewangan Syarikat, syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu, transaksi dalam mata wang selain dari mata wang fungsian entiti direkodkan pada kadar pertukaran yang lazim pada tarikh transaksi atau, jika tertakluk kepada kontrak pertukaran wang asing, pada kadar dikontrakkan. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, butiran kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemah pada kadar lazim pada tarikh kunci kira-kira. Butiran bukan kewangan dinyatakan pada nilai saksama yang didominasi dalam mata wang asing diterjemah pada kadar lazim apabila nilai saksama ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur dalam kos sejarah dalam mata wang asing diterjemah pada kadar pertukaran lazim pada tarikh transaksi awalan.

Perbezaan pertukaran yang timbul dari penyelesaian butiran kewangan, dan dari terjemahan butiran kewangan, dimasukkan ke dalam penyata pendapatan tahun tersebut. Perbezaan pertukaran yang timbul dari terjemahan semula butiran bukan kewangan dinyatakan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam penyata pendapatan tahun tersebut kecuali untuk perbezaan yang timbul dari terjemahan butiran bukan kewangan berkaitan keuntungan dan kerugian yang diiktiraf langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul dari butiran bukan kewangan tersebut juga diiktiraf langsung dalam ekuiti.

iii. Operasi-operasi pertukaran mata wang

Untuk tujuan penyatuan, aset dan tanggungan syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu yang dinyatakan dalam mata wang asing, diterjemah kepada RM pada kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira manakala penyata pendapatan ditukarkan kepada RM pada kadar pertukaran purata bagi tahun tersebut. Keuntungan atau kerugian timbul daripada perterjemahan kepada RM diambil kira dalam rizab perubahan pertukaran mata wang. Kerugian perterjemahan mata wang yang melebihi amaun dalam rizab perubahan pertukaran mata wang asing jika ada, akan diambil kira dalam penyata pendapatan.

Ihsan dan pelarasan nilai saksama yang timbul dari pemerolehan entiti luar negeri akan dianggap sebagai aset dan tanggungan entiti luar negeri dan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira.

Kadar pertukaran prinsipal untuk setiap unit mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira untuk tujuan perterjemahan adalah seperti berikut:

	31.3.2009	31.3.2008
Dolar Singapura (SGD)	2.39	2.31
Dolar Amerika (USD)	3.64	3.19
Rupiah Indonesia (IDR)	0.0003	0.0003
Dolar Hong Kong (HKD)	0.47	0.41
Dolar Brunei (BND)	2.39	2.31

Penyata Aliran Wang Tunai

Kumpulan dan Syarikat menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran wang tunai.

Wang Tunai Dan Kesamaan Wang Tunai

Untuk tujuan penyata aliran wang tunai, wang tunai dan kesamaan wang tunai meliputi wang tunai dan dana jangka pendek, ditolak overdraf bank.

4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Penyediaan penyata kewangan melibatkan membuat sesuatu anggaran, anggapan mengenai masa hadapan dan pertimbangan. Ia menjejaskan polisi perakaunan yang digunakan, jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan yang dibuat. Ia disemak berterusan dan berdasarkan pengalaman dan faktor berkaitan, termasuk jangkaan kejadian akan datang yang dipercayai munasabah di bawah keadaan tersebut. Keputusan sebenar mungkin berbeza dari anggaran. Perkara yang melibatkan pertimbangan yang lebih kompleks dan sulit, atau perkara dimana anggapan dan anggaran penting kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

a. Liabiliti perniagaan insurans

Terdapat beberapa sumber ketidakpastian yang perlu dipertimbangkan dalam anggaran liabiliti di bawah perniagaan insurans nyawa dan am dimana akhirnya Kumpulan akan diminta membayar sebagai tuntutan.

Untuk perniagaan insurans nyawa, anggaran dibuat untuk kematian, kecacatan, kematangan, penamatan sukarela, pulangan pelaburan dan perbelanjaan administrasi menurut keperluan badan pengawasan. Kumpulan mendasarkan anggaran jangkaan jumlah kematian menggunakan jadual mortaliti berkanun, disesuaikan dimana perlu untuk mencerminkan pendedahan risiko Kumpulan yang unik. Jumlah anggaran kematian menentukan kemungkinan nilai manfaat akan datang yang akan dibayar, yang akan difaktorkan untuk memastikan liputan rizab yang mencukupi, yang kemudiannya diawasi bertentangan premium semasa dan akan datang. Untuk kontrak yang menanggung risiko kecacatan, anggaran dibuat berdasarkan pengalaman silam dan perkembangan terbaru. Walau bagaimanapun, epidemik dan juga cara hidup yang bermacam ragam boleh menyebabkan perubahan drastik terhadap pendedahan akan datang. Semua ini menimbulkan anggaran ketidakpastian terhadap liabiliti mutakhir dana insurans nyawa.

Untuk perniagaan insurans am, ketidakpastian utama timbul dari peruntukan teknikal yang termasuk liabiliti peruntukan premium dan tuntutan. Liabiliti premium merangkumi rizab premium belum diperolehi sementara liabiliti tuntutan merangkumi peruntukan untuk tuntutan tertunggak. Secara amnya, liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan lepas, pengetahuan kejadian semasa, terma dan kondisi polisi berkenaan dan interpretasi keadaan. Paling terkait adalah pengalaman lepas mengenai kes yang sama, sejarah tuntutan, perkembangan terbaru, perubahan keputusan perundangan, keputusan kehakiman dan kondisi ekonomi. Adalah pasti yang premium sebenar masa hadapan dan liabiliti tuntutan tidak akan membentuk seperti yang dianggarkan dan mungkin berbeza dari anggaran Kumpulan. Anggaran premium dan liabiliti tuntutan adalah sensitif terhadap berbagai faktor dan ketidakpastian.

Pembentukan peruntukan teknikal adalah proses ketidakpastian yang termaktub dan, sebagai kesan dari ketidakpastian ini, penyelesaian premium dan liabiliti tuntutan muktamad mungkin berbeza dari anggaran awal. Mungkin terdapat jurang laporan yang besar antara berlakunya kejadian yang diinsurankan dan waktu ianya dilaporkan kepada Kumpulan. Lanjutan dari pengenalan dan notifikasi kerugian yang diinsurankan, mungkin masih terdapat ketidakpastian dalam magnitud tuntutan tersebut. Terdapat banyak faktor yang akan menentukan tahap ketidakpastian seperti inflasi, interpretasi keputusan kehakiman yang tidak konsisten, perubahan perundangan dan prosedur kendalian tuntutan.

b. Kerosotan nilai ihsan

Kumpulan menguji kerosotan nilai ihsan setiap tahun menurut polisi perakaunannya. Semakan yang lebih kerap dilakukan jika kejadian menunjukkan ianya perlu. Amaun CGU yang boleh diperolehi kembali ditentukan berdasarkan kaedah nilai dipakai, dimana memerlukan penggunaan anggaran. Pengiraan nilai dipakai menggunakan model aliran wang tunai didiskaunkan menggunakan anggaran aliran wang tunai berdasarkan bajet setahun terbaru yang diluluskan oleh pihak pengurusan. Aliran wang tunai untuk tahun kedua hingga kelima diekstrapolat menggunakan anggaran kadar pertumbuhan purata berwajaran. Kadar pertumbuhan tidak dianggarkan untuk tahun keenam hingga kesepuluh. Kadar diskaun yang digunakan untuk anggaran aliran wang tunai diambil dari kos modal sebelum cukai purata berwajaran pada tarikh penilaian. Perubahan kepada anggaran yang digunakan oleh pihak pengurusan, terutamanya kadar diskaun dan kadar pertumbuhan, mungkin mempengaruhi keputusan ujian kerosotan nilai tersebut dengan berkesan.

c. Kerosotan Nilai Aset tak Ketara Lain

Aset tak ketara Kumpulan boleh diasingkan dan dijual dan mempunyai hayat berguna finit terluas sepanjang anggaran hayat berguna.

Penentuan anggaran hayat berguna untuk aset-aset tak ketara tersebut memerlukan pihak pengurusan menganalisis keadaan, industri, amalan pasaran dan juga menggunakan pertimbangan. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, atau lebih ketara, apabila terdapat peristiwa atau pertukaran dalam keadaan, aset-aset tak ketara dinilai untuk menunjukkan tanda-tanda kerosakkan. Jika tanda-tanda didapati, aset-aset tersebut tertakluk kepada kajian semula kerosakkan. Kajian semula kerosakkan terdiri daripada perbandingan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih aset.

d. Anggaran nilai saksama

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan dengan teknik penilaian. Kumpulan menggunakan berbagai-bagai kaedah dan membuat anggapan yang berdasarkan kondiisi pasaran yang wujud pada tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau harga sebutan perniaga untuk instrumen yang serupa dan aliran wang tunai didiskaunkan adalah sebahagian dari teknik umum yang digunakan untuk mengira nilai saksama instrumen tersebut.

e. Klasifikasi antara harta tanah pelaburan dan harta tanah dan kelengkapan

Kumpulan telah membentuk beberapa kriteria berdasarkan FRS 140 dalam membuat keputusan samada sebuah harta tanah layak sebagai harta tanah pelaburan. Harta tanah pelaburan dipegang untuk mendapat sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya.

Sesetengah harta tanah merangkumi bahagian yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk kenaikan modal dan bahagian yang lain dipegang untuk digunakan dalam produksi atau penyediaan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan administrasi. Jika bahagian tersebut dapat dijual berasingan, Kumpulan akan mengambil kira bahagian tersebut berasingan. Jika bahagian tidak dapat dijual berasingan, harta tanah tersebut adalah harta tanah pelaburan hanya jika sebahagian kecil dipegang untuk digunakan dalam produksi atau penyediaan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan administrasi. Keputusan dibuat atas dasar harta tanah individu untuk menentukan samada perkhidmatan sampingan sangat bermakna sehingga harta tanah tidak layak sebagai harta tanah pelaburan.

f. Cukai tertunda dan Cukai Pendapatan

Kumpulan dan Syarikat tertakluk kepada cukai pendapatan dalam pelbagai bidang kuasa dan penghakiman penting diperlukan dalam penganggaran peruntukan cukai pendapatan. Terdapat banyak urus niaga dan interpretasi undang-undang pencucuaian dimana hasil terakhir tidak akan ditetapkan sehingga tempoh kemudian. Liabiliti untuk pencucuaian diiktiraf berdasarkan anggaran jika pencucuaian tambahan boleh dibayar. Proses anggaran termasuk mendapat nasihat pakar bila diperlukan. Dimana pencucuaian terakhir liabiliti tidak sama berbanding amaun yang direkodkan pada mulanya, perbezaan tersebut akan menjejaskan peruntukan cukai pendapatan dan cukai tertunda pada tempoh dimana anggaran disemak atau liabiliti terakhir ditetapkan.

Aset pencucuaian tertunda diiktiraf bagi kesemua kerugian cukai belum digunakan sehingga kemungkinan keuntungan bercukai yang mana kerugian tersebut boleh digunakan. Keputusan pengurusan yang penting diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf berdasarkan kemungkinan waktu dan tahap keuntungan bercukai masa hadapan bersama dengan strategi rancangan cukai masa hadapan.

g. Elaun untuk pinjaman dan Pembiayaan Lapuk dan Ragu

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ragu dikaji semula pada setiap tarikh laporan untuk menilai, jika peruntukan untuk kerosotan patut direkodkan dalam penyata kewangan. Tertentunya, pertimbangan diperlukan dalam mengenal pastian pinjaman ragu dan anggaran amaun terealisasi daripada pinjaman ragu apabila menentukan taraf elaun yang diperlukan.

Kumpulan mengambil guna kriteria tertentu dalam mengenal pastian pinjaman ragu, termasuk mengklasifikasikan pinjaman sebagai tidak berbayar apabila pembayaran balik tertunggak lebih daripada tiga (3) bulan (satu (1) bulan selepas tarikh matang untuk bil perdagangan, penerimaan pemilik bank dan resit amanah). Elaun spesifik bagi pinjaman ragu disediakan selepas ambil pertimbangan nilai-nilai teruntuk kepada cagaran. Nilai-nilai teruntuk kepada cagaran dianggarkan berdasarkan pada nilai pasaran dan/atau nilai jualan terpaksa, mengasingkan dengan keakruan garis panduan BNM.

Tambahan kepada buatan elaun spesifik, Kumpulan juga membuat elaun am menentang dedahan tidak khususnya dikenal pasti berdasarkan peratusan jumlah pinjaman belum jelas (termasuk faedah terakru), bersih elaun spesifik untuk pinjaman lapuk dan ragu. Anggaran begitu berdasarkan anggapan tentang beberapa faktor- faktor dan keputusan sebenar mungkin akan berlainan, mengakibatkan pertukaran kepada elaun pada masa hadapan.

5. WANG TUNAI DAN DANA JANGKA PENDEK

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Wang tunai dan baki bank	548,955	1,251	471,920	1,206
Wang panggilan dan deposit matang dalam tempoh sebulan:				
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	282,786	-	313,872
Lain-lain	726,391	-	1,582,925	-
Bank Pelaburan berlesen:				
Lain-lain	80,000	-	-	-
Bank Negara Malaysia	15,589,750	-	8,887,060	-
Lain-lain institusi kewangan	241,845	-	103,521	-
	17,186,941	284,037	11,045,426	315,078

Termasuk di atas adalah pemberian pinjaman antara bank sebanyak RM16,536,853,000 (RM10,502,776,000 pada 2008) bagi Kumpulan dan deposit jangka pendek dan wang dipegang bagi pihak pelanggan dan remisier berjumlah lebih kurang RM219,432,000 (RM297,825,000 pada 2008) bagi Kumpulan.

Pada 31 Mac 2009, kedudukan pinjaman dan pemberian pinjaman antara bank bersih bagi Kumpulan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Pemberian pinjaman antara bank		
Wang tunai dan dana jangka pendek	16,536,853	10,502,776
Deposit dengan institusi-institusi kewangan (Nota 7)	-	1,329,700
	16,536,853	11,832,476
Peminjam antara bank (Nota 22)	(93,435)	(37,001)
Pemberian pinjaman antara bank bersih	16,443,418	11,795,475

6. PEMBELIAN SEKURITI BAWAH PERJANJIAN JUAL-BALIK

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Bank berlesen:		
Lain-lain	16,807	52,468
	16,807	52,468

Termasuk di atas adalah wang dipegang bagi pihak pelanggan dan remisier berjumlah lebih kurang RM16,807,000 (RM45,819,000 pada 2008) bagi Kumpulan.

7. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN BANK DAN LAIN-LAIN INSTITUSI KEWANGAN

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Bank berlesen:				
Subsidiari	-	16,986	-	15,034
Lain-lain	45,687	-	337,466	-
Bank Pelaburan berlesen:				
Lain-lain	-	-	50,000	-
Bank Negara Malaysia	100	-	1,000,100	-
Lain-lain institusi kewangan	239	-	244	-
	46,026	16,986	1,387,810	15,034

Deposit dan penempatan dengan bank dan lain-lain institusi kewangan akan matang dalam tempoh setahun.

Termasuk didalam amaun di atas sejumlah RM200,000 (RM200,000 pada 2008) telah disimpan di atas nama Akautan Negara menurut Seksyen 3 (f) Akta Syarikat Amanah, 1949.

Termasuk di atas adalah pemberian pinjaman antara bank berjumlah RM Sifar (RM1,329,700,000 pada 2008) bagi Kumpulan.

8. SEKURITI DIPEGANG UNTUK URUS NIAGA

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pada Nilai Saksama				
Sekuriti Pasaran Wang:				
Bil perbendaharaan	-	-	26,566	-
Bil perbendaharaan Islam	-	-	78,224	-
- Selaras dengan Surat Ikatan Amanah bertarikh 24 April 2003, AmBank telah menerbitkan RM200,000,000 amaun nominal Bon Bersubordinat Boleh Runding Boleh Tebus Tidak Bercagar Berfaedah ("SubBon I") bertujuan menambah dana modal AmBank.

Ciri-ciri utama SubBon I adalah seperti berikut:

- SubBon I menanggung kadar faedah 7.95% setahun untuk lima tahun pertama dan tahun berikutnya pada 8.45% kepada 10.45% setahun. Faedah akan dibayar setiap setengah tahun.
- Tempoh SubBon I adalah sepuluh (10) tahun kalendar dan akan matang pada 30 April 2013. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kelulusan daripada BNM, AmBank boleh menebus SubBon I pada 30 April 2008 atau pada setiap tarikh ulang tahun berikutnya.

RM200 juta SubBon I telah ditebus sepenuhnya pada 30 April 2008.

- Selaras dengan Surat Ikatan Amanah bertarikh 23 September 2003, AmlInvestment Bank telah menerbitkan RM460,000,000 amaun nominal Bon Bersubordinat Boleh Tebus Dan Tidak Bercagar ("SubBon II") untuk digunakan bagi memberi RM460,000,000 pinjaman berjangka bersubordinat tidak bercagar selama 10 tahun ("SubLoan") kepada AmBank, berkait dengan bank komersil berlesen bertujuan untuk pembiayaan semula RM460,000,000 pinjaman modal bersubordinat boleh tukar kepada Danamodal Nasional Berhad. Pada 19 Mei 2006, AmlInvestment Bank memasuki Perjanjian Penyerahan Hak antara Quanto Assets dan AmBank, dimana RM460,000,000 SubLoan telah diserahkan kepada Quanto Assets.

Ciri-ciri utama SubBon II adalah seperti berikut:

- SubBon II menanggung kadar faedah 6.5% setahun untuk lima tahun pertama dan pada 7.0% hingga 9.0% setahun atau 3% di atas kadar hasil 5-tahun Sekuriti Kerajaan Malaysia, yang mana lebih tinggi. Faedah akan dibayar setiap setengah tahun.
- SubBon II matang dalam jangkamasa sepuluh tahun kalendar iaitu pada 30 September 2013. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kelulusan daripada BNM, AmlInvestment Bank boleh menebus SubBon pada 30 September 2008 atau pada setiap tarikh ulang tahun berikutnya.

RM460 juta SubBonds II telah dibayar sepenuhnya pada 30 September 2008.

28. BON TIDAK BERKAGAR (SAMB.)

3. Selaras dengan Surat Ikatan Amanah bertarikh 27 Oktober 2005, AmInvestment Bank menerbitkan RM200,000,000 amaun nominal Bon Bersubordinat Boleh Tebus Dan Tidak Berkagar ("SubBon III") bertujuan menebus semula RM200,000,000 amaun nominal Sijil Deposit Bersubordinat Tidak Berkagar. Sijil Deposit Bersubordinat Tidak Berkagar telah ditebus pada 1 Mac 2006.

Ciri-ciri utama SubBonds III adalah seperti berikut:

- i. SubBon III menanggung kadar faedah 4.75% setahun untuk lima tahun pertama dan pada 5.25% ke 7.25% setahun antara 6 hingga 10 tahun. Faedah akan dibayar setiap setengah tahun.
- ii. SubBon III akan ditebus pada 31 October 2010 atau pada setiap tarikh ulang tahun bersama dengan faedah terakru sehingga tarikh penebusan.
- iii. SubBon III adalah sepuluh tahun kalendar dan akan matang pada 31 October 2015. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kelulusan BNM, AmInvestment Bank boleh menebus SubBon III pada 31 Oktober 2010 atau pada setiap tarikh ulang tahun berikutnya.

Pada 31 Mac 2007, AmInvestment Bank telah membeli dan membatalkan RM65,000,000 SubBon III.

b. BON BOLEH TUKAR DAN TIDAK BERKAGAR

Pada 18 Mei 2007, AmBank telah menerbitkan RM575,000,000 nilai nominal sepuluh (10) tahun bon boleh tukar dan tidak berkagar kepada ANZ yang mana boleh ditukar kepada 188,524,590 saham-saham biasa baru bernilai RM1.00 setiap satu dalam Syarikat pada harga pertukaran bernilai RM3.05 sesaham. Penerbitan bon boleh tukar bertujuan bagi memudahkan penglibatan ANZ sebagai pelabur dan rakan niaga Kumpulan dan meningkatkan lagi dana modal AmBank.

Ciri-ciri utama bon boleh tukar adalah seperti berikut:

- i. Bon Boleh Tukar menanggung kadar faedah 5.00% setahun untuk lima (5) tahun pertama dan pada 5.50% setahun untuk lima (5) tahun berikutnya. Faedah akan dibayar setiap suku tahun.
- ii. Bon Boleh Tukar akan ditebus pada amaun nominal sepuluh (10) tahun daripada tarikh diterbitkan.
- iii. Bon Boleh Tukar adalah sepuluh tahun (10) kalender. ANZ mempunyai hak untuk menukar semua atau tidak bon boleh tukar bagi saham-saham biasa yang tersenarai Syarikat pada bila-bila masa atau sehingga tarikh berakhir pada tahun ke sepuluh (10) pada harga RM3.05 sesaham.

Harga pertukaran bon boleh ditukar telah diselaraskan dari RM3.05 sesaham kepada RM2.95 sesaham mengikut pelarasan yang timbul daripada Terbitan Hak pada 15 Januari 2008.

c. SUKUK MUSYARAKAH BERSUBORDINAT

Pada 21 Disember 2006, AmIslamic Bank telah menerbitkan RM400,000,000 Sukuk Musyarakah bersubordinat ("Sukuk Musyarakah") bertujuan untuk menambah dana modal AmIslamic Bank.

Ciri-ciri utama Sukuk Musyarakah adalah seperti berikut:

- i. Sukuk Musyarakah membawa kadar keuntungan sebanyak 4.80% setahun untuk lima (5) tahun pertama dan akan bertambah sebanyak 0.05% setahun bagi setiap tahun berikutnya sehingga tarikh matang. Keuntungan akan dibayar pada setiap setengah tahun.
- ii. Sukuk Musyarakah adalah sepuluh tahun (10) kalendar. AmIslamic Bank boleh menebus dan melaksanakan opsi panggilan (tetapi bukan sebahagiannya) Sukuk Musyarakah pada ulang tahun kelima (5) tarikh diterbitkan atau bila-bila masa tarikh ulangtahun berikutnya pada kadar 100% daripada jumlah utama bersama pembayaran keuntungan yang dijangkakan.

29. NOTA-NOTA BERJANGKA SEDERHANA

Sepanjang tahun kewangan yang lepas, AmBank telah melancarkan RM2.0 bilion nilai nominal Program MTN. Perolehan yang timbul daripada Program MTN akan digunakan untuk pembiayaan semula hutang bersubordinat sedia ada dan untuk keperluan modal kerja am.

Program MTN mempunyai tempoh sehingga 20 tahun dari tarikh pertama penerbitan dibawah Program MTN. MTN akan diterbitkan bagi tempoh matang sehingga 20 tahun sebagai Penerbit berhak memilih tarikh diterbitkan dengan syarat tiada MTN yang akan matang selepas tarikh peluputan Program MTN.

MTN diterbitkan dibawah Program MTN termasuk sebagai modal Tahap 2 dibawah rangka kerja kecukupan modal bagi institusi-institusi kewangan dalam mematuhi RangkaKerja Kecukupan Modal Berwajaran Risiko yang diterbitkan oleh BNM.

Ciri-ciri utama terbitan MTN adalah seperti berikut:

- a. Tahap 1 sebanyak RM500 juta telah diterbitkan pada 4 Februari 2008 bagi tempoh 10 tahun, 5 tahun Tidak boleh Dipanggil dan menanggung kadar faedah pada 5.23% setahun.
- b. Pada 14 Mac 2008, sebanyak RM240 juta Tahap 2 dan 3 telah diterbitkan seperti berikut:
 - i. Tahap 2 sebanyak RM165 juta bagi tempoh 10 tahun, 5 tahun Tidak Boleh Dipanggil dan menanggung kadar faedah pada 5.2% setahun.
 - ii. Tahap 3 sebanyak RM75 juta bagi tempoh 12 tahun, 7 tahun Tidak Boleh Dipanggil dan menanggung kadar faedah pada 5.4% setahun.
- c. Pada 28 Mac 2008, sebanyak RM120 juta Tahap 4 dan 5 telah diterbitkan seperti berikut:
 - i. Tahap 4 sebanyak RM45 juta bagi tempoh 10 tahun, 5 tahun Tidak Boleh Dipanggil dan menanggung kadar faedah pada 5.2% setahun.
 - ii. Tahap 5 sebanyak RM75 juta bagi tempoh 12 tahun, 7 tahun Tidak Boleh Dipanggil dan menanggung kadar faedah pada 5.4% setahun.
- d. Pada 9 April 2008, sebanyak RM600 juta Tahap 6 telah diterbitkan bagi tempoh 15 tahun, 10 tahun Tidak Boleh Dipanggil dan menanggung kadar faedah pada 6.25% setahun.

Kadar faedah MTN akan meningkat sebanyak 0.5% setahun seperti berikut:

- a. Tahap 1 - pada awal tahun ke 5
- b. Tahap 2 - pada awal tahun ke 6
- c. Tahap 3 - pada awal tahun ke 8
- d. Tahap 4 - pada awal tahun ke 6
- e. Tahap 5 - pada awal tahun ke 8
- f. Tahap 5 - pada awal tahun ke 11

dan pada setiap tarikh ulangtahun, sebelum tempoh matang MTN.

30. MODAL HIBRID

		Kumpulan	
		2009 RM'000	2008 RM'000
Jaminan Saham Keutamaan Tanpa Kumulatif Tanpa Undi-USD200.0 juta [perbelanjaan bersih dari terbitan pemodal sebanyak RM5,401,000 (RM6,217,000 pada 2008)]	a	803,691	673,830
Modal Tidak-Inovatif Tahap 1 (NIT 1):			
Sekuriti Modal Stapled	b	500,000	-
		1,303,691	673,830

a. Jaminan Saham Keutamaan Tanpa Kumulatif Tanpa Undi

Pada 27 Januari 2006, AMBB Capital, subsidiari tidak langsung telah menerbitkan Dolar Amerika ("USD") 200,000,000 Modal Hibrid Inovatif Tahap 1 merangkumi 2,000 saham-saham keutamaan bernilai USD100,000 setiap satu ("Modal Hibrid"). Modal Hibrid adalah bersubordinat dan dijamin oleh AmBank. Perolehan kasar dari terbitan telah dipinjamkan kepada AmBank dalam bentuk pinjaman berjangka bersubordinat pada 27 Januari 2006 bertujuan untuk menambah keperluan modal kerja AmBank.

Ciri-ciri utama Modal Hibrid adalah seperti berikut:

- Modal Hibrid menanggung dividen bukan kumulatif dari tarikh terbitan ke (tidak termasuk) 27 Januari 2016 pada 6.77% setahun dan selepas itu, pada kadar berubah setahun bersamaan dengan tiga (3) bulan USD LIBOR ditambah 2.90 peratus. Jika tidak ditebus pada 27 Januari 2016, dividen bukan kumulatif akan dibayar setiap setengah tahun.
- Modal Hibrid adalah sekuriti berterusan dan tidak mempunyai tarikh penebusan akhir yang muktamad. Keseluruhan Modal Hibrid boleh ditebus, tetapi bukan sebahagian pada opsyen penerbit (tetapi bukan pemegang) dalam situasi tertentu. Dalam setiap kes, tidak kurang daripada 30 atau lebih daripada 60 hari notis (di mana notis tidak boleh dimansuhkan) perlu diberi.

Modal Hibrid disenaraikan di kedua-dua Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan dan Bursa Sekuriti Singapura dan ditawarkan kepada pelabur-pelabur institusi antarabangsa di luar Malaysia.

b. Program Modal Tidak-Inovatif Tahap 1 (NIT 1)

Dalam tahun kewangan, selepas mendapat kelulusan dari Bank Negara Malaysia ("BNM") dan Suruhanjaya Sekuriti, AmBank telah mengambil alih terbitan program Modal Tidak Inovatif Tahap 1 (NIT 1) sehingga RM500 juta dalam nilai nominal merangkumi:

- Modal Sekuriti Kekal Bukan Kumulatif ("NCPCS"), yang diterbitkan oleh AmBank dan mengokot ke Nota-nota Bersubordinat seperti yang diterangkan seperti berikut; dan
- Nota-nota Bersubordinat ("SubNotes"), yang akan diterbitkan oleh AmPremier Capital Berhad ("AMPremier"), iaitu subsidiari milik penuh AmBank.
(bersama-sama dikenali sebagai "Sekuriti Modal Stapled")

Perolehan dari program NIT1 akan digunakan sebagai modal kerja. Sekuriti Modal Stapled tidak boleh diniaga secara berasingan sehingga berlakunya acara tugas tertentu. Apabila berlakunya acara tugas tertentu, Sekuriti Modal Stapled tidak akan mengokot, membiarkan pelabur hanya memegang NCPCS yang mana hak pemilikan Nota-nota Bersubordinat akan diberikan kepada AmBank mengikut kontrak pembelian hadapan kecuali terdapat tugas awal dibawah syarat Sekuriti Modal Stapled. Sekiranya tiada sebarang peristiwa seperti yang ditetapkan dibawah syarat-syarat Sekuriti Modal Staple, dimana Sekuriti Modal Staple tidak akan mengokot pada pembayaran faedah ke 20 selama 10 tahun daripada tarikh terbitan SubNotes.

SubNotes mempunyai kadar faedah tetap iaitu 9.0% setahun. Walaubagaimanapun, pengagihan NCPCS tidak akan bermula untuk diakru sehingga hak pemilikan SubNotes di beri semula kepada AmBank seperti yang dirujuk diatas.

NCPCS diterbitkan secara berterusan kecuali ditebus semula dibawah syarat-syarat NCPCS. NCPCS ditebus semula pada opsyen AmBank pada tarikh pembayaran faedah atau 10 tahun daripada tarikh terbitan SubNotes, atau sebarang tarikh pengagihan NCPCS, bergantung kepada syarat-syarat penebusan semula yang dipersetujui. SubNotes mempunyai tempoh 30 tahun kecuali ditebus awal dibawah syarat-syarat SubNotes. SubNotes boleh ditebus pada opsyen AmPremier pada sebarang tarikh pembayaran, dimana tidak boleh awal dari tugas tertentu seperti yang ditetapkan dibawah syarat-syarat Sekuriti Modal Stapled.

Sekuriti Modal Stapled menurut Garispanduan BNM ke atas modal instrumen Tidak Inovatif Tahap 1. Ia merangkumi obligasi AmBank tidak bercagar dan bersubordinat. Tuntutan berkaitan NCPCS bertaraf parri passu dan tanpa keutamaan antara mereka dan dengan tahap awal saham-saham keutamaan AmBank tetapi mengutamakan hak dan tuntutan pemegang-pemegang saham biasa AmBank. SubNotes bertaraf parri passu dan tanpa keutamaan antara mereka dengan tahap awal saham-saham keutamaan AmPremier.

Pada 31 Mac 2009, AmBank telah menerbitkan sejumlah RM500.0 juta Sekuriti Modal Stapled dalam dua tahap.

31. MODAL SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Dibenarkan		
Saham-saham bernilai RM1.00 setiap satu	5,000,000	5,000,000
Saham-saham keutamaan boleh ubah bernilai RM1.00 setiap satu	200,000	200,000
Baki pada akhir tahun	5,200,000	5,200,000
Diterbitkan dan dibayar penuh:		
Saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu		
Baki pada awal tahun	2,722,970	2,130,565
Kesan terbitan saham-saham biasa menurut:		
- Pelaksanaan Waran 2003/2008	-	132,497
- Terbitan hak	-	295,973
- Pengubahan CPS	-	163,935
Baki pada akhir tahun	2,722,970	2,722,970
Saham-saham keutamaan boleh ubah bernilai RM1.00 setiap satu		
- Diterbitkan dalam tahun	-	163,935
- Diubah dalam tahun	-	(163,935)
	-	-
Baki pada akhir tahun	2,722,970	2,722,970

Modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh Syarikat berjumlah 2,722,969,590 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu.

32. RIZAB

Analisis Rizab pada 31 Mac adalah seperti berikut:

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Rizab tidak boleh diagihkan:				
a. Premium saham	1,986,836	1,985,529	1,986,857	1,985,550
b. Rizab berkanun	1,323,767	-	1,245,433	-
c. Rizab sedia untuk dijual	(41,744)	-	42,900	-
d. Rizab lindung nilai aliran tunai	(91,486)	-	-	-
e. Rizab perubahan pertukaran mata wang	19,591	-	8,166	-
f. Saham-saham ESS dipegang dalam amanah	(7,064)	(7,064)	-	-
Jumlah rizab tidak boleh diagihkan	3,189,900	1,978,465	3,283,356	1,985,550
Rizab boleh diagihkan:				
Keuntungan tidak diagihkan	1,823,223	1,645,464	1,163,267	707,073
Jumlah rizab	5,013,123	3,623,929	4,446,623	2,692,623

Pergerakan dalam rizab ditunjukkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

- Premium saham adalah digunakan untuk mencatat premium yang timbul dari terbitan saham baru Syarikat.
- Rizab berkanun syarikat subsidiari perbankan pelaburan dan perbankan komersial adalah dikekalkan bagi mematuhi peruntukan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan, 1989 dan Akta Perbankan Islam dan tidak boleh diagihkan sebagai dividen tunai.
- Rizab sedia untuk dijual adalah berkaitan dengan keuntungan dan kerugian belum direalisasi atas sekuriti sedia untuk dijual.
- Rizab lindung nilai adalah berkaitan dengan keuntungan dan kerugian belum direalisasikan keatas intrumen lindung nilai aliran tunai.
- Perbezaan pertukaran mata wang timbul dari penterjemahan mata wang bagi subsidiari dan bersekutu asing, seperti diterangkan dalam polisi-polisi perakaunan .
- Saham-saham ESS yang dipegang dalam amanah mewakili pembelian saham-saham dibawah Skim Saham Eksekutif seperti yang dinyatakan dalam nota 33. Dalam tahun kewangan, Pemegang Amanah ESS telah membeli sebanyak 2,896,000 saham-saham biasa Syarikat yang diterbitkan daripada pasaran terbuka pada harga purata RM2.44 sesaham. Jumlah ganjaran yang dibayar untuk membeli termasuk kos transaksi sebanyak RM7,063,679.

Rizab boleh diagihkan adalah rizab-rizab yang boleh diagihkan sebagai dividen.

Pada 31 Mac 2009, Syarikat mempunyai kredit cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan baki dalam akaun yang dikecualikan cukai untuk menampung pembayaran dividen berjumlah lebih kurang RM418,846,000 daripada keseluruhan rizab boleh diagihkan. Sekiranya baki rizab boleh diagihkan berjumlah RM1,226,618,000 akan diagihkan sebagai dividen sebelum mempunyai kredit cukai yang mencukupi, Syarikat secara automatik akan beralih kepada sistem pencucuaian "single tier" dan baki dividen adalah dividen "single tier".

33. SKIM SAHAM EKSEKUTIF

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat telah melaksanakan Skim Saham Eksekutif ("ESS") baru, di mana saham-saham ("Saham-saham Skim") dan/atau opsyen untuk melanggan saham ("Opsyen") dan diberi kepada pengarah-pengarah dan pekerja-pekerja Syarikat dan subsidiari berdasarkan kriteria/pencapaian prestasi dan kewangan dan lain-lain syarat yang boleh digunapakai.

Ciri-ciri ESS adalah seperti berikut:

- Mana-mana pengarah eksekutif atau eksekutif yang mempunyai kawalan dalam Kumpulan, bergantung kepada budi bicara Ahli Jawatankuasa ESS, adalah layak menyertai ESS sekiranya pengarah eksekutif atau eksekutif memenuhi kriteria berikut ("Eksekutif yang Layak"):
 - telah mencapai umur lapan belas (18) tahun ke atas dan tidak diisytiharkan muflis;
 - kakitangan sepenuh masa dan pembayaran gaji dalam kawalan Kumpulan dan tidak memberi sebarang notis menamatkan perkhidmatan atau menerima sebarang notis pemberhentian.
 - pekerjaan tetap yang bertulis;
 - keadaan dimana pengarah eksekutif Syarikat, peruntukan tertentu saham-saham disediakan untuk beliau dan opsyen untuk melanggan bagi saham-saham Syarikat dalam kapasiti dimana, beliau sebagai pengarah eksekutif dibawah ESS yang telah diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada mesyuarat am;
 - Jika beliau berkhidmat dalam jawatan tertentu dibawah pekerjaan kontrak untuk tempoh yang tetap tetapi bukan digajikan untuk projek tertentu;
 - tidak menyertai atau layak menyertai mana-mana saham pekerja atau pelaksanaan skim insentif oleh lain-lain syarikat yang aktif pada waktu tersebut yang mana mereka yang layak bagi ganjaran walaupun penyertaan atau kelayakan untuk menyertai seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa ESS.
 - memenuhi lain-lain kriteria dan atau jatuh dalam mana-mana kategori yang disediakan oleh Jawatankuasa ESS dari semasa ke semasa.
- Jumlah bilangan saham yang diterbitkan dibawah ESS tidak melebihi sejumlah lima belas peratus (15%) daripada modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tempoh ESS dan daripada itu tidak melenihi lima puluh peratus (50%) daripada saham-saham tersebut hendaklah diperuntukan, secara agregat, kepada pengarah-pengarah dan pengurusan kanan. Disamping itu, tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada saham-saham yang sedia ada dibawah ESS hendaklah diperuntukan kepada mana-mana pengarah individu atau kakitangan yang layak, sama ada secara individu atau kolektif melalui orang yang berkaitan, memegang dua puluh (20%) atau lebih dalam modal diterbitkan dan berbayar Syarikat.
- Harga pelaksanaan Saham (merujuk kepada harga bagi mengenal pasti nombor Skim Saham untuk diberi dibawah anugerah) dan Harga Opsyen (merupakan harga saham yang akan dibayar bagi melanggan atau memperoleh setiap Skim Saham menurut pelaksanaan opsyen) hendaklah pada diskaun yang tidak melebihi sepuluh (10%) daripada lima (5) hari harga pasaran purata berjawaran bagi saham-saham Syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia Sekuriti Berhad pada tarikh saham diberi atau pada nilai par saham, yang lebih tinggi.

33. SKIM SAHAM EKSEKUTIF (SAMB.)

- d. Saham Skim akan diperuntukan dan diterbitkan atau dipindahkan kepada Peserta Skim menurut perundangan yang tidak bergantung kepada pengekalan tempoh ataupun sekiranya disyaratkan oleh Jawatankuasa ESS dalam tawaran.
- e. Jawatankuasa ESS atas budi bicaranya memutuskan bahawa Saham Skim boleh dilaksanakan dengan cara menerbitkan saham-saham biasa baru, perolehan saham-saham biasa sedia ada atau gabungan kedua-dua terbitan saham-saham biasa baru dan perolehan saham-saham biasa sedia ada.
- f. Syarikat menubuhkan Amanah yang diuruskan oleh Pemegang Amanah bertujuan bagi melanggan saham-saham biasa baru Syarikat dan/atau mendapatkan saham-saham biasa sedia ada Syarikat dan memindahkan mereka kepada Peserta Skim. Untuk tujuan ini dan membayar perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan Amanah, Pemegang Amanah adalah layak dari semasa ke semasa menerima pendaan dan/atau bantuan, kewangan atau sebaliknya dari Syarikat dan/atau subsidiari.

Tiada sebarang Saham Skim atau Opsyen diberi sepanjang tahun kewangan. Saham Skim dan Opsyen diberi pada 10 April 2009 seperti yang dinyatakan dalam Nota 58 Peristiwa-peristiwa berikutan.

34. KEPENTINGAN MINORITI

Kepentingan minoriti dalam Kumpulan adalah sebahagian daripada keputusan operasi-operasi bersih, atau aset bersih, pengagihan syarikat subsidiari kepada saham-saham dan debentur persendirian, secara langsung atau tidak langsung selain daripada Syarikat atau syarikat subsidiari.

Pergerakan dalam kepentingan minoriti dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Baki pada awal tahun	84,352	1,201,516
Perolehan saham dalam AMG Insurance Berhad	112,700	-
Bahagian keputusan subsidiari	17,430	142,277
Langganan saham-saham dalam AmPrivate Equity	400	3,180
Dividen Diterima	(39,420)	(74,014)
Penjualan saham berikutan Penswastaan AIGB	-	(1,188,227)
Penjualan saham dalam MVMl	-	(380)
Baki pada akhir tahun	175,462	84,352

35. PENDAPATAN FAEDAH

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Dana jangka pendek dan deposit dengan institusi-institusi kewangan	278,779	10,677	290,400	10,004
Sekuriti dipegang untuk urus niaga	61,434	950	255,625	952
Sekuriti sedia untuk dijual	276,496	-	96,021	-
Sekuriti dipegang sehingga matang	31,538	-	110,181	-
Pinjaman dan pendahuluan				
- Pendapatan berfaedah selain daripada pemuliharaan daripada pinjaman tidak berbayar	3,000,288	-	2,822,021	-
- Pemuliharaan daripada pinjaman tidak berbayar	215,111	-	274,600	-
ICULS	-	2,416	-	15,732
Lain-lain	1,786	-	3,810	-
Pendapatan faedah kasar	3,865,432	14,043	3,852,658	26,688
Pelunasan premium tolak pertambahan diskaun	23,422	-	14,640	-
Faedah tergantung	(95,486)	-	(98,355)	-
Jumlah selepas faedah tergantung bersih	3,793,368	14,043	3,768,943	26,688

36. PERBELANJAAN FAEDAH

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Deposit daripada pelanggan	1,554,032	-	1,645,539	-
Deposit bank dan lain-lain institusi kewangan	191,217	-	135,005	-
Jualan sekuriti bawah perjanjian beli-balik	-	-	17,388	-
Amaun terhutang kepada Cagamas	5,334	-	15,056	-
Pinjaman bank :				
Pinjaman berjangka	31,564	23,428	30,082	22,393
Overdraif bank	148	-	214	-
Deposit bersubordinat dan pinjaman berjangka	121	-	12,459	-
Faedah Bon	71,800	-	103,202	5,361
Nota-nota Berjangka Sederhana	81,848	-	4,777	-
Swap Kadar Faedah-bersih	18,586	-	79,051	-
Sekuriti Hibrid	46,495	-	45,643	-
Lain-lain	15,909	437	64,705	2,963
	2,017,054	23,865	2,153,121	30,717

37. PENDAPATAN OPERASI LAIN

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pendapatan yuran:				
Pinjaman dan pendahuluan	150,954	-	130,340	-
Nasihat korporat	27,017	-	35,153	-
Jaminan	29,445	10	19,624	77
Komisen tata jamin	8,311	-	13,566	-
Pengurusan portfolio	13,043	-	21,792	-
Pengurusan unit amanah	59,783	-	62,584	-
Pengurusan amanah pelaburan harta tanah	4,531	-	3,126	-
Brokeraj dan komisen	80,642	-	162,682	-
Komisen banc assurance	26,879	-	27,804	-
Keuntungan/(Kerugian) dari sekuritisasi aset	893	-	(183)	-
Rebet brokeraj	87	-	546	-
Lain-lain	55,384	-	57,224	-
	456,969	10	534,258	77
Pendapatan pelaburan dan perniagaan:				
(Kerugian)/Keuntungan bersih dari jualan sekuriti dipegang untuk urusniaga	(77,092)	-	131,616	-
Keuntungan bersih dari jualan sekuriti sedia untuk dijual	3,944	-	31,735	-
Keuntungan bersih dari penebusan sekuriti dipegang hingga matang	46,625	-	106,235	-
Kerugian atas penilaian semula sekuriti dipegang untuk urusniaga	(32,978)	-	(128,923)	-
Keuntungan dari penebusan produk berstruktur	4	-	-	-
(Kerugian)/Keuntungan penebusan derivatif	(55,790)	-	46,770	-
Keuntungan dari jualan kepentingan ekuiti dalam subsidiari	95,462	-	-	-
Pendapatan dividen kasar daripada Syarikat subsidiari:				
Subsidiari				
Disebut harga di Malaysia	-	-	-	100,980
Tidak Disebut harga	-	1,097,074	-	7,000
Sekuriti dipegang untuk urusniaga	7,320	-	30,477	-
Sekuriti sedia untuk dijual	18,422	-	894	-
Sekuriti dipegang hingga matang	5,976	-	27,169	-
	11,893	1,097,074	245,973	107,980
Pendapatan premium dari perniagaan insurans nyawa dan am	492,604	-	447,903	-
Komisen Insuran	(48,335)	-	(55,237)	-
	444,269	-	392,666	-
Keuntungan dari pindahan perniagaan insurans nyawa	20,000	-	17,000	-
	464,269	-	409,666	-
Pendapatan-pendapatan lain:				
(Kerugian)/Keuntungan pertukaran mata wang asing	(17,830)	-	21,810	-
Keuntungan bersih jualan harta dan peralatan	1,100	-	686	21
Pendapatan sewa	4,339	-	4,351	-
Pendapatan-pendapatan lain	1,303	-	2,080	-
	(11,088)	-	28,927	21
	922,043	1,097,084	1,218,824	108,078

38. PERBELANJAAN OPERASI LAIN

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Kos personel/pekerja				
Gaji, elaun dan bonus	556,005	1,440	544,056	1,440
Lain-lain	176,998	617	151,260	383
	733,003	2,057	695,316	1,823
Kos perjabatan				
Susutnilai harta dan peralatan (Nota 19)	50,486	245	48,425	229
Perlunasan perisian komputer (Nota 20)	27,411	-	23,494	-
Kos pengkomputeran	72,760	-	65,541	-
Pelunasan bayaran pajakan tanah prabayar (Nota 18)	159	-	165	-
Sewa	65,286	-	59,696	-
Pembersihan dan penyelenggaraan	18,754	-	21,899	-
Lain-lain	24,422	-	23,062	-
	259,278	245	242,282	229
Perbelanjaan pemasaran dan komunikasi				
Komisen jualan	17,134	-	18,523	-
Pengiklanan, promosi dan lain-lain aktiviti pemasaran	51,880	236	64,157	287
Caj telefon	18,913	-	18,527	-
Pos	12,263	-	11,924	-
Pengangkutan dan hiburan	17,015	-	17,850	-
Lain-lain	20,464	285	26,950	13
	137,669	521	157,931	300
Perbelanjaan dan pentadbiran am				
Perkhidmatan profesional	92,417	513	77,727	1,120
Sumbangan	157	-	2,986	-
Pengurusan dan pentadbiran	2,256	-	2,025	-
Lain-lain	44,437	54	43,033	50
	139,267	567	125,771	1,170
Perbelanjaan	1,269,217	3,390	1,221,300	3,522
Tuntutan insurans am	342,929	-	315,599	-
	1,612,146	3,390	1,536,899	3,522

Kos personel/pekerja termasuk gaji, bonus, sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan pekerja. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk Kumpulan berjumlah RM96,643,115 (RM91,499,308 pada 2008).

Termasuk dalam perbelanjaan di atas adalah pendedahan berkanun berikut:

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Ganjaran pengarah (Nota 41)	7,354	2,285	7,120	1,889
Perisian komputer dihapuskan	-	-	(7)	-
Harta dan peralatan dihapuskan	40	-	37	-
Sewa kenderaan bermotor dan perkakas pejabat	13,290	-	11,652	-
Ganjaran juruaudit:				
Juruaudit kumpulan:				
Audit berkanun	1,474	60	1,097	50
Semakan terhad/Audit setengah tahun	279	-	264	-
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	615	5	665	40
Juruaudit-juruaudit lain:				
Audit berkanun	205	-	199	-
Pelbagai penghutang belum terima dihapuskan	692	-	1,616	-

39. PERUNTUKAN KERUGIAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Peruntukan/(Kebalikan peruntukan) hutang lapuk dan ragu dan pembiayaan:		
Peruntukan tertentu-bersih	660,081	765,110
Peruntukan dalam tahun	1,043,753	1,192,451
Amaun dimasukkan kembali untuk bayaran kembali dan kembalikan	(383,672)	(427,341)
Peruntukan am	53,561	67,107
Peruntukan dibayar balik kemerosotan nilai amaun pinjaman dijual kepada Danaharta	-	(609)
Hutang lapuk dan pembiayaan dibayar balik-bersih:	(369,455)	(319,425)
Dihapuskan	1,504	2,653
Dibayar balik	(370,959)	(322,078)
	344,187	512,183

40. BAKI DAN URUSNIAGA PENTING DENGAN PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Bagi tujuan penyata kewangan, pihak-pihak yang dianggap berkait dengan Kumpulan kalau Kumpulan berkeupayaan secara langsung atau secara tidak langsung mengawal pihak-pihak atau mempraktikkan pengaruh ketara ke atas keupayaan parti dalam hal-hal membuat keputusan kewangan and operasi penting dan sebaliknya atau dimana Kumpulan and pihak-pihak bergantung kepada kuasa biasa atau pengaruh utama pihak-pihak berkaitan boleh terdiri daripada individu atau lain-lain ekuiti:

Urusniaga bukan perbankan penting Kumpulan adalah seperti berikut:

i. Syarikat-syarikat subsidiari

Butir-butir syarikat-syarikat subsidiari tersenarai dalam Nota 15.

Baki belum dibayar dan urusniaga penting antara syarikat dengan syarikat-syarikat subsidiari dihapuskan apabila disatukan.

ii. Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu ialah Syarikat di mana Kumpulan mempraktikkan pengaruh ketara walupun ia tidak mengawalnya. Pengaruh ketara ialah keupayaan menyertai dalam keputusan-keputusan kewangan dan dasar-dasar operasi syarikat berkaitan tetapi tidak mempunyai pengaruh terhadap dasar-dasar tersebut. Butir-butir syarikat-syarikat berkaitan tersenarai dalam Nota 17.

iii. Pihak Pengurusan Utama

Pihak Pengurusan Utama diiktirafkan sebagai seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam hal-hal perancangan, pengarah dan pengawalan aktiviti-aktiviti Kumpulan dan Syarikat secara langsung atau tidak secara langsung. Pihak Pengurusan Utama Kumpulan dan Syarikat termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengarah-pengarah bukan Eksekutif Syarikat dan ahli-ahli pihak pengurusan kanan tertentu dalam Kumpulan dan pengarah-pengarah subsidiari utama (termasuk ahli-ahli keluarga terdekat) Kumpulan.

iv. Syarikat-syarikat dimana pengarah-pengarah mempunyai kepentingan ketara.

Syarikat-syarikat ini terdiri daripada syarikat yang mempunyai keupayaan mengundi secara langsung atau secara tidak langsung yang terletak dalam tangan Pengarah-pengarah tertentu dalam Kumpulan.

v. Syarikat-syarikat yang mempunyai pengaruh ketara ke atas Kumpulan.

Syarikat-syarikat ini terdiri daripada pemegang-pemegang saham utama dalam Kumpulan.

a. Urusniaga penting Kumpulan dan Syarikat dengan pihak-pihak berkaitan adalah seperti berikut:

	Syarikat-syarikat subsidiari		Syarikat-syarikat bersekutu		Pihak Pengurusan utama		Syarikat-syarikat dimana pengarah-pengarah mempunyai kepentingan ketara		Pemegang-pemegang saham ketara	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Kumpulan										
Pendapatan										
Faedah ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	-	-	-	-	39	90	-	-	-	-
	-	-	-	-	39	90	-	-	-	-
Perbelanjaan										
Faedah ke atas deposit	-	-	-	-	205	630	-	-	-	-
Sewa premis	-	-	-	-	-	-	26,592	32,151	-	-
Premium insurans	-	-	-	-	-	-	6,992	3,078	-	-
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	-	-	-	-	-	-	-	-	102,553	103,298
Pembersihan dan pelenggaraan	-	-	-	-	-	-	374	186	-	-
Perbelanjaan perjalanan	-	-	-	-	-	-	2,488	2,627	-	-
Penyelenggaraan komputer	-	-	-	-	-	-	8,625	7,579	-	-
Makanan dan minuman	-	-	-	-	-	-	100	182	-	-
Menyediakan khidmat Maklumat	-	-	-	-	541	-	-	-	-	-
Seminar	-	-	-	-	1,649	-	37	-	-	-
Peruntukan untuk khidmat keselamatan	-	-	-	-	-	-	149	219	-	-
Hadiah dan pengubahan bunga	-	-	-	-	-	-	24	-	-	-
	-	-	-	-	2,395	630	45,381	46,022	102,553	103,298
Perbelanjaan modal										
Pembelian hardware dan software komputer dan khidmat nasihat berkaitan	-	-	-	-	-	-	14	11,019	-	-
Kad PMPC	-	-	-	-	-	-	1,964	1,691	-	-
	-	-	-	-	-	-	1,978	12,710	-	-
Syarikat										
Pendapatan										
Faedah daripada deposit	10,677	9,991	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelaburan ICULS	2,416	15,732	-	-	-	-	-	-	-	-
Yuran jaminan	10	77	-	-	-	-	-	-	-	-
Pendapatan dividen – kasar	1,097,074	107,980	-	-	-	-	-	-	-	-
	1,110,177	133,780	-	-	-	-	-	-	-	-

40. BAKI DAN URUSNIAGA PENTING DENGAN PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMB.)

b. Urusniaga penting Kumpulan dan Syarikat dengan pihak-pihak berkaitan adalah seperti berikut:

	Syarikat-syarikat subsidiari		Syarikat-syarikat bersekutu		Pihak Pengurusan utama		Syarikat-syarikat dimana pengarah-pengarah tertentu mempunyai kepentingan ketara		Pemegang-pemegang saham ketara	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Kumpulan										
Amaun terhutang daripada:										
Pinjaman (sewa beli, kad kredit, pinjaman peribadi dan pinjaman perumahan)	-	-	-	-	939	2,201	-	-	-	-
Amaun terhutang kepada:										
Deposit dan dana jangka pendek	-	-	-	-	17,902	11,973	-	-	-	-
	-	-	-	-	18,841	14,174	-	-	-	-
Syarikat										
Amaun terhutang daripada:										
Wang tunai dan dana jangka pendek	1,251	1,206	-	-	-	-	-	-	-	-
Wang panggilan dan deposit	282,787	313,872	-	-	-	-	-	-	-	-
Dana jangka pendek dan deposit dengan bank dan institusi-institusi kewangan lain	16,986	15,034	-	-	-	-	-	-	-	-
Faedah tertunggak	494	764	-	-	-	-	-	-	-	-
ICULS	-	6,608	-	-	-	-	-	-	-	-
	301,518	337,484	-	-	-	-	-	-	-	-
Amaun terhutang kepada:										
Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	8,083	143	-	-	-	-	-	-	-	-
	8,083	143	-	-	-	-	-	-	-	-

c. Tidak terdapat sebarang pinjaman dikurniakan kepada pengarah-pengarah Syarikat. Pinjaman yang diberikan kepada personel-personel pengurusan kanan yang lain dalam Kumpulan dan Syarikat adalah berdasarkan terma dan syarat-syarat yang sedia ada kepada keseluruhan pekerja-pekerja dalam Kumpulan. Kesemua urusniaga berkaitan dilaksanakan berasaskan kaedah jarak tangan berdasarkan terma-terma komersil biasa yang sedia ada kepada rakyat awam yang tidak memberi keutamaan kepada golongan-golongan tertentu. Tiada peruntukan diiktiraf berkaitan dengan pinjaman yang dihulurkan kepada personel-personel pengurusan kanan (2008 - RM Tiada).

d. Pampasan Kepada Pihak-Pihak Pengurusan Utama

Ganjaran pengarah-pengarah dan pihak-pihak pengurusan utama dalam tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Pengarah-pengarah;				
Yuran	1,480	665	962	300
Gaji dan pendapatan lain-lain	5,393	1,620	4,630	1,589
Manfaat pekerja berjangka pendek lain-lain (termasuk anggaran wang tunai manfaat)	481	-	1,528	-
Jumlah manfaat pekerja berjangka pendek	7,354	2,285	7,120	1,889
Lain-lain Pihak Pengurusan Kanan:				
Gaji dan pendapatan lain-lain	12,338	-	12,215	-
Manfaat pekerja berjangka pendek lain-lain (termasuk anggaran wang tunai manfaat)	402	-	441	-
Jumlah manfaat pekerja berjangka pendek	12,740	-	12,656	-

41. GANJARAN PENGARAH

Bentuk ganjaran agregat bagi semua para pengarah dicaj ke penyata pendapatan bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Para pengarah eksekutif				
Yuran	220	-	150	-
Gaji	1,275	-	1,260	-
Ganjaran -ganjaran lain	68	-	613	-
Pembayaran gratuiti	400	-	-	-
Bonus	1,300	-	1,421	-
Manfaat	81	-	100	-
	3,344	-	3,544	-
Bukan pengarah eksekutif				
Yuran	1,260	665	812	300
Ganjaran -ganjaran lain	2,750	1,620	2,757	1,589
Manfaat	-	-	7	-
	4,010	2,285	3,576	1,889
Jumlah ganjaran para pengarah	7,354	2,285	7,120	1,889
Jumlah ganjaran para pengarah tidak termasuk manfaat	7,273	2,285	7,013	1,889

* Yuran para pengarah untuk para pengarah yang menjawat sebagai eksekutif syarikat-syarikat dalam Kumpulan, telah dibayar kepada syarikat mereka masing-masing.

Bilangan para pengarah Syarikat yang mana jumlah ganjaran mereka bagi tahun kewangan berada dalam lingkungan pendedahan yang dikehendaki adalah seperti berikut:

Kumpulan	Bilangan Pengarah	
	2009	2008
Para pengarah eksekutif		
RM3,300,001 – RM3,350,000	1	-
RM3,500,001 – RM3,550,000	-	1
Bukan para pengarah eksekutif		
Kurang dari RM50,000	2	6
RM50,001 – RM100,000	4	1
RM100,001 – RM150,000	1	-
RM150,001 – RM200,000	2	3
RM300,001 – RM350,000	1	1
RM400,001 – RM450,000	1	-
RM2,350,001 – RM2,400,000	1	-
RM2,450,001 – RM2,500,000	-	1

42. URUSNIAGA KREDIT DAN PENDEDAHAN DENGAN PIHAK-PIHAK YANG BERKAITAN

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Pendedahan kredit belum jelas dengan pihak yang berkaitan	762,691	456,523
Peratusan pendedahan kredit belum jelas dengan pihak yang berkaitan		
- sebagai sebahagian daripada jumlah pendedahan kredit	1.13	0.63
- tidak berbayar atau kegagalan membayar	0.26	0.21

Penzahiran urusniaga kredit dan pendedahan dengan pihak yang berkaitan yang tersebut di atas adalah dibentangkan menurut perenggan 9.1 Garis panduan pindaan Bank Negara Malaysia mengenai Urus niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Yang Berkaitan, yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Berdasarkan garis panduan ini, pihak yang berkaitan merujuk seperti berikut:

- Pengarah-pengarah Bank dan saudara mereka yang terdekat;
- Pemegang saham yang mengawal dan saudara beliau yang terdekat;
- Pengawai eksekutif, sebagai anggota pengurusan yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan/atau mengawal aktiviti Bank, dan saudara beliau yang terdekat;
- Pengawai-pengawai yang bertanggungjawab ke atas atau mempunyai kuasa untuk menilai dan/atau meluluskan urus niaga kredit atau mengkaji semula kedudukan urus niaga kredit sedia ada, sama ada sebagai ahli jawatankuasa atau sebagai individu dan saudara mereka yang terdekat;
- Firma-firma, perkongsian, syarikat-syarikat atau mana-mana entiti undang yang mengawal, atau dikawal oleh sesiapa yang disenaraikan dalam (i) hingga (iv) di atas, atau yang mereka mempunyai kepentingan, sebagai seorang pengarah, rakankongsi, pengawai eksekutif, agen atau penjamin, dan subsidiari-subsidiari mereka atau entiti-entiti yang dikawal oleh mereka;
- Sesiapa yang disenaraikan di (i) hingga (iv) menjadi penjamin kepadanya; dan
- Subsidiari dimiliki atau entiti yang dikawal oleh Bank dan pihak yang berkaitan dengannya.

Urusniaga kredit dan pendedahan kepada pihak yang berkaitan seperti yang dinyatakan di atas termasuk pemberian kemudahan kredit dan/atau pendedahan kredit luar kunci kira-kira seperti jaminan, kemudahan yang berkaitan urus niaga dan komitmen pinjaman. Ia juga termasuk pegangan ekuiti dan sekuriti hutang swasta yang diterbitkan oleh pihak yang berkaitan.

Urusniaga kredit dengan pihak yang berkaitan kesemuanya adalah diuruskan berasaskan prinsip urusniaga tulus dan atas terma dan syarat yang tidak lebih baik daripada yang dimeterai dengan pihak rakan niaga yang lain yang mempunyai keadaan dan kepercayaan kredit yang sama. Langkah-langkah sewajarnya telah diambil untuk memastikan kepercayaan kredit pihak yang berkaitan tidak kurang daripada yang biasa diperlukan oleh orang lain.

43. PENCUKAIAN DAN ZAKAT

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Anggaran cukai semasa akan dibayar	46,156	36,880	122,091	26,563
Pindahan dari cukai tertunda (Nota 44)	296,877	-	292,675	-
Pindahan dari/(ke) liabiliti cukai tertunda (Nota 44)	9,031	-	(2,550)	-
	352,064	36,880	412,216	26,563
Lebihan peruntukan pencukaian semasa bagi tahun-tahun sebelum	(13,714)	(13,933)	(29,199)	-
Pencukaian	338,350	22,947	383,017	26,563
Zakat	1,032	-	601	-
Pencukaian dan Zakat	339,382	22,947	383,618	26,563

Cukai semasa domestik dikira pada kadar berkanun iaitu 25.0% (2008: 26.0%) daripada anggaran keuntungan yang boleh diagihkan bagi tahun kewangan.

Pada 31 Mac 2009, Kumpulan dan Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan dari pencukaian hasil daripada pelepasan cukai atas pendapatan bercukai yang diperolehi dalam tahun 1999 berjumlah lebih kurang RM100,109,366 (RM98,259,698 pada 2008) dan RM29,000,000 (RM29,000,000 pada 2008) masing-masing di mana jika disahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, akan membolehkan Kumpulan dan Syarikat mengagihkan dividen dikecualikan cukai sehingga jumlah yang sama.

Pelarasan antara perbelanjaan cukai pendapatan bagi keuntungan sebelum pencukaian pada kadar cukai berkanun dan perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan sebelum pencukaian	1,217,636	1,083,872	1,194,437	100,527
Pencukaian pada kadar berkanun Malaysia 25.0% (2008 : 26.0%)	304,409	270,968	310,554	26,137
Kesan daripada perbezaan kadar cukai di Labuan dan subsidiari -subsidiari tertentu	800	-	(4,725)	-
Cukai tertunda berkait dengan perubahan dalam kadar cukai	93	-	63,457	-
Lebihan peruntukan pencukaian semasa bagi tahun-tahun sebelum	(13,714)	(13,933)	(29,199)	-
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(14,674)	(239,828)	(15,014)	-
Perbelanjaan tidak ditolak untuk tujuan pencukaian	39,758	5,740	59,394	426
Aset cukai tertunda dicaj/ (tidak diambilkira dalam tahun-tahun lepas)	21,678	-	(1,450)	-
Perbelanjaan pencukaian bagi tahun	338,350	22,947	383,017	26,563

44. PENCUKAIAN TERTUNDA

Pencukaian tertunda, berkaitan dengan syarikat-syarikat subsidiari, adalah seperti berikut:

a. Aset cukai tertunda

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Baki pada awal tahun		
- Dinyatakan sebelum ini	(608,583)	(870,443)
- Pelarasan tahun lepas	-	(30,815)
Dinyatakan semula	(608,583)	(901,258)
Diambilkira dalam ekuiti	(35,291)	-
Pindahan ke penyata pendapatan (Nota 43)	296,877	292,675
Baki pada akhir tahun	(346,997)	(608,583)
Pencukaian tertunda kredit/(debit) adalah berkaitan dengan perkara-perkara berikut:		
Perbezaan sementara timbul daripada caj tertunda	47,391	44,412
Perbezaan sementara timbul di antara susut nilai dan elaun cukai harta dan kelengkapan	36,557	25,741
Kerugian cukai tidak digunakan	(90,508)	(430,088)
Perbezaan sementara timbul daripada peruntukan am untuk pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(224,885)	(210,186)
Perbezaan sementara timbul daripada kemerosotan nilai pelaburan untuk harta-harta dirampas	(24,487)	(22,905)
Perbezaan sementara timbul daripada rizab persamaan keuntungan	(15,483)	(9,342)
Peruntukan bagi pelaburan	1,518	-
Lain-lain	(77,100)	(6,215)
	(346,997)	(608,583)

44. PENCUKAIAN TERTUNDA (SAMB.)

b. Liabiliti cukai tertunda

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
Baki pada awal tahun	5,925	8,475
Diambil kira dalam ekuiti	(1,869)	-
Pindahan dari/(ke) penyata pendapatan (Nota 43)	9,031	(2,550)
Baki pada akhir tahun	13,087	5,925

Tanggungjawab cukai tertunda Kumpulan adalah berkaitan dengan perbezaan sementara di antara peruntukan modal pencukaian dan susut nilai buku harta dan kelengkapan.

Seperti dinyatakan dalam Nota 3, kesan perbezaan sementara dan kerugian cukai tidak digunakan yang menghasilkan aset cukai tertunda, adalah diiktiraf hanya apabila syarikat-syarikat subsidiari berkenaan dapat menghasilkan keuntungan bercukai yang mencukupi di masa hadapan di mana perbezaan sementara dan kerugian cukai tidak digunakan boleh digunakan. Pada 31 Mac 2009, amaun anggaran aset cukai tertunda Kumpulan, berkaitan dengan kerugian cukai tidak digunakan dan elaun modal tidak digunakan, dikira pada kadar pencukaian yang bersesuaian yang tidak diiktiraf dalam penyata kewangan berjumlah RM149,000,000 (RM156,000,000 pada 2008).

45. DIVIDEN

Dividen dibayar dan dicadangkan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

	RM'000
Berkaitan dengan tahun kewangan berakhir 2009	
Dividen dicadangkan – 8.0% ditolak cukai 25.0%, bagi 2,722,969,590 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu	163,378
Berkaitan dengan tahun kewangan berakhir 2008	
Dividen dibayar sepanjang tahun – 6.0% ditolak cukai 25.0%, on 2,722,969,590 saham-saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu	122,534

Pengarah-pengarah telah mencadangkan dividen pertama dan terakhir bagi tahun kewangan berakhir sebanyak 8.0%, ditolak cukai 25.0%, berjumlah RM163,378,170, berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan dibayar penuh pada 31 Mac 2009, akan dibayar kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Daftar Rekod Para Pelabur pada tarikh yang akan ditentukan oleh para pengarah. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mengambil kira cadangan dividen tersebut. Dividen tersebut, sekiranya diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira didalam dana pemegang saham sebagai pengagihan keuntungan tidak diagihkan di dalam tahun kewangan berikut yang berakhir pada 31 Mac 2010.

46. PENDAPATAN SESAHAM

a. Pendapatan sesaham asas

Pendapatan sesaham asas dikira dengan membahagikan keuntungan bersih kepada hak para pemegang saham Syarikat dengan purata wajaran bilangan saham-saham biasa dalam terbitan sepanjang tahun kewangan.

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000/'000	Syarikat RM'000/'000	Kumpulan RM'000/'000	Syarikat RM'000/'000
Keuntungan bersih hak para pemegang saham Syarikat	860,824	1,060,925	668,542	73,964
Bilangan saham-saham biasa pada awal tahun	2,722,970	2,722,970	2,130,565	2,130,565
Kesan terbitan saham-saham biasa berikutan:				
- Pelaksanaan Waran 2003/2008	-	-	27,984	27,984
- Pengubahan CPS	-	-	142,435	142,435
- Terbitan hak	-	-	66,311	66,311
Purata wajaran bilangan saham-saham biasa dalam terbitan	2,722,970	2,722,970	2,367,295	2,367,295
Pendapatan sesaham asas (Sen)	31.61	38.96	28.24	3.12

Dalam tahun kewangan, Syarikat telah membayar dividen pertama dan terakhir sebanyak 6.0% ditolak cukai 25.0% bagi tahun kewangan sebelumnya berjumlah RM122,533.632 yang mana amaun tersebut telah diambil kira dalam Laporan Pengarah bagi tahun kewangan tersebut dan telah dibayar pada 21 Oktober 2008 kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai di dalam Rekod Para Pelabur pada 7 Oktober 2008.

46. PENDAPATAN SESAHAM (SAMB.)

b. Pendapatan tercair sepenuhnya sesaham

Pendapatan tercair sepenuhnya sesaham dikira dengan membahagikan keuntungan diselaraskan selepas pencukaian dan kepentingan minoriti bagi tahun kewangan dengan jumlah bagi wajaran bilangan saham-saham biasa diselaraskan dalam terbitan dan boleh diterbitkan sepanjang tahun kewangan.

Syarikat mempunyai dua kategori potensi kecairan saham-saham biasa:

- i. Waran 2003/2008 (matang pada 20 Mac 2008)
- ii. Bon Boleh Tukar dan Tidak Bercagar

	2009		2008	
	Kumpulan RM'000/'000	Syarikat RM'000/'000	Kumpulan RM'000/'000	Syarikat RM'000/'000
Keuntungan bersih hak para pemegang saham Syarikat	860,824	1,060,925	668,542	73,964
Bilangan saham-saham biasa pada awal tahun (seperti (a) diatas)	2,722,970	2,722,970	2,367,295	2,367,295
Diselaraskan bagi - Pengubahan bon boleh ubah dan tidak bercagar	-	-	27,764	27,764
Purata wajaran bilangan saham -saham biasa diterbitkan dan boleh diterbitkan, diselaraskan	2,722,970	2,722,970	2,395,059	2,395,059
Pendapatan tercair sepenuhnya sesaham (Sen)	31.61	38.96	27.91	3.09

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 bon boleh ubah dan tidak bercagar tertunggak, tidak termasuk dalam pengiraan pendapatan tercair sepenuhnya bernilai RM1.00 sesaham biasa bagi Kumpulan, seperti pelaksanaan dan pengubahan kepada saham-saham biasa yang akan meningkatkan pendapatan sesaham.

Jumlah purata wajaran saham biasa yang diterbitkan dan boleh diterbitkan oleh Kumpulan dan Syarikat yang diselaraskan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 adalah berdasarkan andaian bahawa bon boleh tukar dan tidak bercagar tercair telah bertukar pada awal tahun.

47. TUGAS FIDUSIARI BERHUBUNG DENGAN KHIDMAT PENGURUSAN PORTFOLIO PELABURAN

Dana-dana portfolio pelaburan diuruskan bagi pihak pelanggan oleh Kumpulan pada 31 Mac 2009 berjumlah RM16,399,295,000 (RM18,515,948,000 pada 2008).

48. PENGLIBATAN MODAL

Pada 31 Mac 2009, penglibatan modal, semuanya berkaitan dengan syarikat-syarikat subsidiari, adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2009 RM'000	2008 RM'000
